

JEJAK INSAN SEMARAK AL-QURAN

*Menjejak Sejarah Perkembangan 5 Dekad
Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran di Singapura*



مسابقة تلاوة وتحفيظ القرآن

MUSABAQAH TILAWAH DAN TAHFIZ AL-QURAN

MTTQ50

1968-2018



MTTQ50 (1968 - 2018)
© 2018 Majlis Ugama Islam Singapura

Diterbitkan oleh:
Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)
273 Braddel Road | Singapura 579702
Tel: (65) 6359 1199 | Fax: (65) 6253 7572

Kajian dan Penulisan oleh:
Rahman Basrun

Disunting oleh:
Pejabat Mufti Majlis Ugama Islam Singapura & Darul Quran Singapura

Hakcipta dilindungi undang-undang. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) ataupun dipancar walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran pihak penerbit secara bertulis terlebih dahulu.

Direka oleh:
Harith Halim | Musawwir Print

Dicetak oleh:
Musawwir Print
sales@musawwirprint.com | www.musawwirprint.com
facebook.com/musawwirprint | instagram.com/musawwirprint

ISBN No: 978-981-11-6863-5



MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA
ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL OF SINGAPORE

JEJAK INSAN SEMARAK AL-QURAN

*Menjejak Sejarah Perkembangan 5 Dekad
Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran di Singapura*

مسابقة تلاوة وتحفيظ القرآن

MUSABAQAH TILAWAH DAN TAHFIZ AL-QURAN

MTTQ50

1968-2018

*Tersebut al-kisah di sebuah negara,
Sebuah pulau di khatulistiwa
Pulau bergelar Singapura
Aman damai hidup warganya
Bersatu hati berkongsi jaya*

*Di celah warga pelbagai rencam
Hidup makmur masyarakat Islam
Menjadi contoh sejak silam
Dipandu Al-Quran adab digenggam*

*Lantaran cinta pada kitab Allah
Lahirlah qari serta qariah
Berkumpul untuk beradu tilawah
Berlatih dengan penuh istiqamah
Menjaga tajwid serta fasahah
Agar Al-Quran terus menyerlah*

*Namun usah disalah pandang
Mereka beradu bukan nak menang
Mereka memburu hadiah gemilang
Di sisi Allah, ingin cemerlang*

*Mereka berjaya dengan asuhan
Guru dan asatizah serba mapan
Keluarga turut beri sokongan
Tidak lupa para sukarelawan
Akhirnya acara lancar berjalan
Al-Quran bersinar sepanjang zaman*

*Lantas lahirlah buku di tangan
Secebis rakaman berdekad pengalaman
Menjadi saksi, menjunjung budiman
Insan-insan berjiwa Al-Quran*



Kata-Kata Aluan

Dr Yaacob Ibrahim
Menteri Hal Ehwal Masyarakat Islam

Ustaz Dr Mohamed Fatris Bakaram
Sohibus Samahah, Mufti Negara

Haji Abdul Razak Hassan Maricar
Ketua Eksekutif Muis

Haji Arzami Bin Salim
Pengerusi Jawatankuasa Induk Al Quran



Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas segala limpahan rahmat dan nikmatNya.

Selawat dan salam buat junjungan kita, Nabi Muhammad SAW.

Syabas saya ucapkan kepada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan juga sekretariat Jawatankuasa Al-Quran di atas usaha gigih yang berterusan sepanjang 50 tahun lalu dalam menganjurkan Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran (MTTQ) ini.

Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) yang pertama di Singapura diadakan pada 1958 di bawah naungan Majlis Penasihat Islam. Apabila Muis dibentuk pada 1968, Muis menganjurkan MTQ di peringkat Kebangsaan. Ini merangsang penyertaan para qari seperti Haji Mohd Fadzuli Bajuri yang bukan saja berjaya mengharumkan

nama di pentas negara malah di peringkat antarabangsa juga.

Buku ini bertujuan untuk menghargai jasa dan sumbangan generasi perintis ini. Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran ketika tempoh awal pembangunan negara pada tahun-tahun 50an dan 60an, golongan penggerak di kalangan masyarakat kita ini tabah berusaha menyemai minat dan amalan membaca kalam suci Al-Quran.

Ini telah mendorong lebih ramai anak-anak muda untuk menyertai gerakan pembacaan serta penghafalan Al-Quran. Program-program pengajian Al-Quran turut mekar di masjid-masjid kita dan di pelbagai pusat swasta di seluruh negara. Usaha ini menggambarkan kesungguhan masyarakat Islam Singapura untuk menjadikan Al-Quran sebagai pegangan kehidupan harian kita.

Bahkan antara tujuan utama kita membaca Al-Quran ialah untuk memahami pedoman yang terkandung di sebalik ayat-ayatnya. Mempelajari dan memahami wahyu Allah SWT yang mengandungi nilai-nilai murni yang kekal relevan sehingga hari ini. Al-Quran tidak hanya mengandungi persoalan aqidah dan ibadah tetapi juga menyentuh persoalan etika, moral serta prinsip.

Saya harap majlis ini akan terus menggalak nilai-nilai Al-Quran seperti keihlanan, keadilan dan ketakwaan. Menerusi usaha ini juga, hikmah serta mutiara Al-Quran dapat dihayati sepenuhnya.

Usaha-usaha sedemikian sangat penting untuk dilestarikan kerana ia dapat mengekalkan keseimbangan kita dalam memburu kesejahteraan kehidupan dan kerohanian dalam arus pemodenan hari ini. Ia juga dapat mengukuhkan peribadi Islam kita sebagai masyarakat yang berpandukan etos rahmatan lil alamin iaitu berakhlak mulia, berjiwa ihsan dan menyumbang kepada kesejahteraan semua insan, tidak kira bangsa atau agama.

Semoga segala usaha terpuji ini mendapat sebaik-baik ganjaran di sisi Allah SWT kerana ia menyumbang kepada pembangunan serta kemajuan masyarakat Islam Singapura. Terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah Wassalamualaikum Wr Wbt.

Dr Yaacob Ibrahim
Menteri Perhubungan dan Penerangan,
Menteri Bertanggungjawab bagi Keselamatan Siber
dan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam



Bismillahirrahmanirrahim

Al-Quran merupakan kalamullah. Ia merupakan pelita yang menerangi kehidupan masyarakat sepanjang zaman.

Demi kecintaan kita kepada Al-Quran, buku ini diterbitkan untuk mengungkap sejarah Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran (MTTQ) di Singapura.

Buku MTTQ, merupakan satu inisiatif Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) untuk mengenal pasti sumbangan mereka yang terdahulu dalam melestarikan pembacaan Al-Quran di Singapura, demi mengorak langkah ke hadapan bagi mencapai impian yang seterusnya tanpa melupakan warisan.

Kisah-kisah yang ditukil daripada para qurra', hakim dan sukarelawan yang telah bersama menjayakan acara musabaqah ini, diharapkan dapat merangsang semangat kecintaan para pembaca serta masyarakat amnya terhadap Al-Quran.

Lantaran itu saya yakin bahawa majlis musabaqah yang berjalan selama lima dekad yang lalu telah sedikit sebanyak berjaya memupuk rasa cinta masyarakat kepada Al-Quran.

Harapan saya bagi tahun-tahun mendatang adalah untuk digiatkan lagi usaha mengembangkan seni Al-Quran di kalangan segenap lapisan masyarakat. Kita juga perlu berusaha bersama dalam menitikberatkan aspek pemahaman Al-Quran.

Kitab Al-Quran diturunkan agar dihayati kandungannya. Maka itu bagaimanakah kita sebagai individu yang hidup di kurun yang ke-21 ini berupaya memahami isi Al-Quran, dengan pentafsirannya yang sebenar, dengan mengambil kira persekitaran dan konteks kehidupan Singapura. Ia merupakan satu cabaran bagi generasi ini, demi kesejahteraan generasi yang mendatang.

Semoga setiap usaha yang dilakukan ini diterima Allah swt sebagai amalan yang baik dan berjaya mendekatkan diri kita kepada-Nya serta memupuk sifat kecintaan kepada Al-Quran, insyaAllah.

Wassalam

Ustaz Dr Mohamed Fatris Bakaram
Sohibus Samahah, Mufti Negara



Buku ini merupakan suatu usaha untuk mengumpulkan sejarah Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran (MTTQ) di Singapura sejak 50 tahun lalu. Sejarah MTTQ ini berkait rapat dengan sejarah Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), yang juga menyambut ulang tahunnya yang ke-50 tahun ini.

Mereka yang membaca buku ini dapat menyaksikan perkembangan sejarah musabaqah yang dianjurkan bersama masyarakat setempat. Walaupun ia merupakan musabaqah di peringkat nasional, ia tidak akan dapat berlangsung dengan jayanya tanpa sokongan masyarakat Islam setempat.

Kejayaan musabaqah adalah kejayaan kita semua. Bahkan kejayaan qari dan qariah kita di peringkat antarabangsa, juga merupakan satu kejayaan yang turut sama dirasakan.

Melalui perkongsian pengalaman dan aspirasi mereka yang telah sama-sama menjayakan musabaqah ini, Muis berharap masyarakat Islam dapat mengorak langkah ke hadapan sebagai satu masyarakat yang bersepadu dan bersifat rahmah.

Muis akan terus bersama masyarakat dalam melestarikan acara musabaqah ini, supaya masyarakat dapat mengambil pengajaran dari Al-Quran dan berjaya menjadikannya pedoman hidup bermasyarakat di Singapura, insyaAllah.

Wassalam

Haji Abdul Razak Hassan Maricar
Ketua Eksekutif Muis



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah. Penerbitan buku ini adalah satu usahasama yang kuat dan menyeluruh dalam kalangan cendiakawan, pelopor, sukarelawan dan individu masyarakat Islam Singapura yang terus-menerus menyemarakkan cinta terhadap kitab suci kita.

Saya berasa bersyukur dan rendah diri kerana diberi peluang untuk mengalu-alukan penerbitan buku ini, mewakili seluruh warga kerja jawatankuasa induk Al Quran yang sudah lama bergiat semenjak ditubuhkan pada tahun 2002.

Buku ini diharapkan dapat dijadikan sebagai sandaran ilmu dan rakaman sejarah untuk para pembaca mengorak langkah bersama serta menghayati perkembangan MTTQ dalam usaha melestarikan pembacaan Al-Quran di Singapura.

Antara kepentingan buku ini adalah menerangkan kelahiran MTTQ serta menjejaki setiap kegiatan yang bermula hanya dengan majlis keramaian yang berunsur kemasyarakatan, agama dan budaya hingga ke pertandingan bertaraf antarabangsa di mana telah lahirnya qari dan qariah yang berprestasi tinggi yang telah mengharumkan nama negara di persada dunia.

Perkembangan MTTQ dalam masa yang sama, memaparkan perkembangan masyarakat Islam Singapura dalam meningkatkan dan menggalakkan pembacaan Al Quran di kalangan masyarakat pelbagai peringkat umur - dari remaja ke dewasa.

Semoga dalam kita mengikuti sejarah perkembangan pembacaan Al Quran yang diterajui oleh MTTQ ini, kita juga dapat terus memainkan peranan seberapa kecil sekalipun untuk menggalakkan pembacaan Al Quran dalam kalangan keluarga dan teman-teman dan menjadikan amalan ini sebagai satu cara hidup kita dalam masyarakat yang kosmopolitan ini, *Insyallah*.

Hj Arzami Bin Salim
Pengerusi, Jawatankuasa Induk Al Quran

Isi Kandungan

- 9 **Jejak Tilawah: Sejarah Musabaqah di Singapura**
15 *Impian menjadi kenyataan: Ustazah Zubaidah Binte Mohammad Tahir & Ustazah Suhras Binte Arpawi*
- 17 **Bertapak di Pentas Dunia**
20 *Pencapaian tertinggi bukanlah trofi: Haji Mohd Fadzuli Bajuri*
- 23 **Pengiktirafan Pemimpin**
25 *Penggerak Musabaqah: Haji Mohammad Ayub Johari*
- 27 **Perintis Musabaqah: Malaysia**
29 *Jurutera Musabaqah: Encik Abdul Rahim Mawasi*
31 *Keluarga Al-Quran: Haji Khamsani Karim*
33 *Jejak sukarelawan*
- 35 **Ciri-ciri Tilawah**
37 *Cintanya Pada Al-Quran Tidak Statik: Ustaz Afandi Amat Mustafalhafi*
- 39 **Jejak pengajian tahfiz**
42 *Penggerak Pengajian Tahfiz: Ustaz Firdaus Yahya*
- 45 **Penutup Tirai**
- 46 **Senarai Pemenang Qari dan Qariah MTTQ**
- 49 **Akhir kata**



فراوتوسن فغروسي جواتنكواس
اوجين القرآن نكارا ريفبليك سيغافورا

دغن نام الله يغ مها فغاسيه لاکي مها
فيايغ، ساي سمفيکن فراوتوسن ريفبليك
اين دغن معوجفکن کشکوران کحضرة
توهن يغتله مليمفهن رحمة دان کرنياش
دافة کيت برسام ۲ ددالم مجلسيس بچان
القرآن يغ مليا اين.

مجلسيس فرتنديغن اين اداله باکي کالي يغکدلافن يغ دانجورکن
اوله مجلسيس فنصيحة اسلام باکي فيهق فمرنته ريفبليك کيت دباوه
ناوغن يغمليا فريسيده ا. يوسف بن اسحاج الحاج، جوک انتوق
مربوة فيالا کبغسان يغ دهديهکن اوله يغمليا فريسيده دان وانيتا
فرنام چي فوان نور عايشه.

فرلو دسپوتکن سباکي تندا کشکوران کحضرة توهن، ولو فون
نکارا کيت سبواه فولو يغ کچيل نامون اومه اسلام ولو فون کچيل
جملهش تنافي تله دافة معنلکن نکارات دغن کجيان ۲ مريک دلافغن مباح
القرآن دغن کجيان قاري ۲ دان قارتهش دفرنديغن انتارا بغسا.

قاري کيت (حاج محمد زين بن حاج عبدالشکور) تله دافة معنلکن
کدودقن نکارا کيت دتاهون لاله دغن مندافة تمفة يغکدوا، منکل قارته
کيت فول (حاج محمد زين بن حاج عبدالشکور) دتمفة يغکدوا
(تاهون 1966 قارته کيت دتمفة يغکيک).

اوله يغمکين اداله منجادي هارفن کيت سموا، مندغن کجيان ۲
کيت ايت، هک اومه اسلام دريفبليك ابن جوک بوله منجافي کجيان
دلافغن ۲ کماجوان يغ لاهين، يغ اکن مياوا کيت منجافي نارفت
کيمدوفن يغ سام دغن لاهين ۲ کولغن ارعية يغتله ماجور داکارا کيت اين.

Jejak Tilawah

يبلغ بغسا يغ
کامان دان
غراس دان
تنافي جوک

منروس هاش
جامينش مک
اکر توجوان

ن فمبنتوقن
سموا دافة

بغافورا کران
رأن اين دان
تأيب جوهن
مدهمدهن
ارا بغسا يغ
اسلام سلالو
يک انتوق
دان حرمة
مادف اکام ۲

مساركة

Jejak Tilawah

Sejarah Musabaqah di Singapura

SETIAP tahun, sudah menjadi kebiasaan acara musabaqah tilawah dan tahfiz Al-Quran rancak dan meriah dijalankan di pulau Singapura. Namun, setiap yang baik ada permulaannya; ia tidak berlaku secara semalaman. Apakah jejak perkembangan tilawah Al-Quran di Singapura?

Sejak 1950-an lagi, membaca Al-Quran menjadi budaya dalam masyarakat Melayu Islam Singapura. Budaya sedemikian menjadi benih bagi penganjuran musabaqah tilawah Al-Quran waktu itu, menjadikan perjalanan qari dan qariah dalam musabaqah tilawah Al-Quran lebih mudah lagi.

Dalam era tersebut, terdapat lebih 200 masjid, surau dan madrasah di Singapura di kampung-kampung yang merupakan bangunan kecil diperbuat daripada kayu seperti Sekolah Pendidikan Rakyat, Madrasah Kampong Paya Goyang, Madrasah Bustanul Arifin dan Madrasah Kampong Bereh. Di madrasah, masjid dan suraulah dijalankan pendidikan agama seperti fikah, tauhid, tasauf dan membaca Al-Quran.

Pada masa itu juga, ibu bapa sangat prihatin tentang pendidikan agama anak mereka. Jika rumah terletak jauh daripada masjid, surau atau madrasah, mereka akan mencari guru-guru mengaji di rumah. Jika anak mereka berupaya membaca Al-Quran hingga tamat 30 juz, ibu bapa tersebut akan mengadakan majlis khatam Al-Quran untuk anak mereka dengan mengundang semua jiran sekampung. Bukan itu sahaja, malah khatam Al-Quran turut diadakan dalam majlis-majlis kesyukuran, majlis berkhitan, majlis pertunangan, pernikahan ataupun majlis walimah.

Bagaimanakah pembacaan Al-Quran diajar ketika itu? Di kebanyakan masjid, surau, madrasah dan rumah-rumah guru mengaji, pembacaan Al-Quran diajarkan dalam dua peringkat.

Pertama adalah peringkat asas, iaitu mengenal huruf Al-Quran.

Peringkat kedua adalah berupaya mengaji atau membaca Al-Quran dengan fasahah (membaca dengan jelas) dan bertajwid (mengikut tanda-tanda baca setiap huruf). Membaca Al-Quran dengan taranum (ikut nada atau irama) dan qiraat (pembacaan kalimah dengan elok) adalah di peringkat lanjutan atau di peringkat tinggi. Begitu juga dengan menghafal Al-Quran. Oleh itu hanya beberapa buah masjid, madrasah dan guru-guru Al-Quran tertentu sahaja yang menganjurkan bacaan Al-Quran di peringkat tertinggi ini.

Oleh kerana membaca Al-Quran telah menjadi satu budaya di dalam masyarakat Islam kita, acara peraduan membaca Al-Quran dianjurkan dengan begitu giat lagi sejak lewat 1950-an lagi.

Musabaqah membaca Al-Quran di Singapura yang pertama diadakan pada 1958, di bawah naungan Majlis Penasihat Islam. Waktu itu, ia dikenali sebagai Pertandingan Membaca AlQuranul Karim. Penyertaan dalam pertandingan itu dibahagikan kepada lima zon, dengan setiap zon memilih seorang dan seorang qariah untuk memasuki peringkat akhir yang bertempat di Stadium Jalan Besar.

Sejak itu, sudah ada banyak perubahan.

Malaysia mula menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) Peringkat Kebangsaan pada 1960. Pada 1961 ia mula menganjurkan MTQ Peringkat Antarabangsa. Lantaran itu, Malaysia boleh dianggap sebagai negara pertama menganjurkan MTQ di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Singapura diundang menyertai MTQ Peringkat Antarabangsa setelah menjadi negara merdeka pada 1965. Pada mulanya urusan memilih peserta yang mewakili Singapura ke Peringkat Antarabangsa dilakukan oleh Majlis Penasihat Islam.



Gambar Jawatankuasa Jemaah Pengadil dan Juru Kira-Kira Ujian Bacaan Al-Quranul Karim Tahun 1967. Antara ahli jawatankuasa termasuklah Syed Ali Alsagoff, Hj Jamill Bin Haji Dzafir dan Ust Hj Muhd Idris Muhammad.

Pada tahun 1968, apabila Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dibentuk, Muis mula mengambil alih tugas menganjurkan MTQ Peringkat Kebangsaan. Ia menubuhkan jawatankuasa MTQ, yang berperanan menganjurkan MTQ peringkat kebangsaan. Johan qari dan qariah yang berjaya di peringkat MTQ Kebangsaan akan dihantar mewakili negara Singapura dalam peraduan Tilawah Al-Quran pada peringkat antarabangsa di Malaysia.

Bagi pertandingan tilawah peringkat kebangsaan, format penyertaan tidak lagi berdasarkan pada peringkat zon, tetapi pendaftaran terbuka kepada seluruh Singapura. Ketika itulah nama Pertandingan Membaca AlQuranul Karim ditukarkan kepada Majlis Tilawah Quran (MTQ).

Terdapat perubahan juga dari segi pengadilan. Pada mulanya, qari dan qariah di peringkat kebangsaan diadili oleh jemaah hakim dari Singapura sahaja. Bagaimanapun, sejak 1981 Jawatankuasa MTQ telah menyarankan supaya Muis mengundang tiga orang hakim dari Malaysia untuk mendampingi tiga orang hakim setempat. Langkah tersebut diambil demi menaikkan lagi mutu penilaian dalam MTQ peringkat kebangsaan.

Sistem pengadilan turut berubah. Pada tahun 1985, Muis mengesyorkan kepada Jawatankuasa MTQ supaya sistem pengadilan diselaraskan sebagaimana dijalankan di Kuala Lumpur. Untuk menjayakan saranan ini, sembilan orang hakim diundang untuk membuat penilaian – enam hakim dari Malaysia dan tiga orang dari Singapura. Mereka mengadakan pembacaan Al-Quran dari segi tiga aspek, iaitu tajwid, lagu dan suara serta tartil dan fasahah.

Para hakim yang diundang dari Malaysia sejauh ini termasuklah Ustaz Makhadir Bin Abdan, Ustaz Bacok Bin Tumpak, Ustaz Dato Haji Hasan Azhari, Haji Nik Jaafar Nik Ismail dan Ustaz Osman Bin Sahlan.

Bukan setakat itu perubahannya. Pada tahun 1988, satu lagi pembaharuan dilaksanakan. Dalam majlis tilawah, tayangan ayat-ayat Al-Quran dipancarkan ke layar putih dengan bantuan komputer. Bantuan pandang-dengar ini membolehkan para hadirin bersama mengikuti dan menghayati ayat-ayat suci yang dibacakan oleh setiap qari dan qariah.

Pada tahun itu juga, batasan yang dikenakan ke atas johan qari dan qariah yang telah berjaya sebanyak tiga tahun dimansuhkan. Ini dilakukan demi menggalakkan penyertaan yang lebih luas dan lebih mencabar kepada para peserta.

Sekitar waktu itu, nama acara telah diubah kepada Ujian Tilawatil Quran (UTQ). Jawatankuasa yang mengendalikan UTQ juga telah memperkenalkan semula penyertaan di peringkat zon sebagaimana dalam tahun 1950-an dan awal 1960-an. Namun, ini kemudian ditukar semula kepada format asal, dengan pertandingan tilawah dan tahfiz Al-Quran kini hanya diadakan pada peringkat kebangsaan.

Demi melancarkan lagi penyemaian budaya membaca Al-Quran di Singapura, Jawatankuasa Induk Al-Quran ditubuhkan pada Julai 2002. Tujuan utama penubuhannya ialah:

- Menjadikan pembacaan, penghafalan, pemahaman serta penghayatan Al-Quran sebagai kewajipan dalam kehidupan harian seorang Muslim
- Meningkatkan lagi mutu pembacaan, penghafalan dan pemahaman Al-Quran kepada taraf yang lebih tinggi
- Bekerja rapat dengan badan-badan dalam dan luar negara dalam usaha pembangunan budaya Al-Quran
- Memastikan kelancaran pertandingan tahunan tilawah dan tahfiz

Dua jawatankuasa telah dibentuk untuk mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu:

- Jawatankuasa Tilawah dan
- Jawatankuasa Tahfiz

Jawatankuasa MTQ peringkat Kebangsaan telah menyusun semula peringkat peraduan pada Mac 2002. Ini termasuk peraduan peringkat Kanak-kanak berusia dari enam hingga 12 tahun dan peringkat Belia untuk peringkat umur dari 13 hingga 17 tahun. Kedua-dua peringkat diadakan setiap tahun, sama dengan peringkat dewasa (daripada 18 hingga 50 tahun) dewasa ini, yang dimulakan jauh lebih awal, pada tahun 1968.

1979



Gambar menunjukkan sebahagian kaum bapa yang menghadiri Musabaqah Al-Quran tahun 1979

Pada 2007, bidang tugas Jawatankuasa MTQ ditambah dengan menganjurkan Musabaqah Tahfiz Al-Quran, menjadikannya Jawatankuasa Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran (MTTQ).

Setiap tahun, Muis melalui Jawatankuasa Induk Al-Quran dan Jawatankuasa MTTQ mengeluarkan peruntukan untuk menganjurkan musabaqah dan mengeluarkan belanja untuk peserta negara mengambil bahagian di luar negara.

Muis juga melalui Jawatankuasa MTTQ (dalam tahun 1980-an) dibantu Jawatankuasa Haiah Dakwah (JHD) Pusat dalam menganjurkan kursus-kursus peningkatan, bukan sahaja bagi para peserta MTTQ, malah bagi para hakim juga.

Antara kegiatan yang pernah diadakan untuk kursus peningkatan dan bimbingan ini ialah mengundang qari terkenal dari Indonesia, Bapak Muamar dan Mirwan Batu Bara. Kedua mereka adalah johan qari antarabangsa dan juga dosen Institut Pengajian Tinggi Ilmu Al-Quran.

Baik di Peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa, para peserta akan diadili menurut pelbagai aspek, antaranya dalam bidang tajwid. Setiap peserta perlu menjaga segala hukum tajwid dengan sempurna. Penekanan diberikan pada sebutan yang betul bagi setiap makhras dan sifat huruf. Suara yang baik dan lagu bacaan yang seiring dengan ketetapan ilmu Qiraat bagi seseorang qari juga dititikberatkan.

Qari yang bertanding perlu menggunakan maqam-maqam Arab dengan sekurang-kurangnya empat jenis lagu pada satu-satu bacaan. Setiap lagu dibawa dalam tiga tingkatan (tabaqat) suara iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Setiap lagu yang dibawa pada ayat yang akhir hendaklah sama dengan lagu yang dibawa pada ayat permulaan. Fasahah dalam membaca Al-Quran juga amat dititikberatkan dalam penilaian.

Laluan ke peringkat akhir MTQ kebangsaan bermula dengan acara saringan di mana para peserta yang mendaftarkan diri bersaing antara satu sama lain. Saringan dilakukan bagi kesemua kategori – sama ada bagi kategori kanak-kanak, belia mahupun dewasa.

Dari situ, sebahagian qari dan qariah dari kesemua kategori dipilih untuk memeriahkan ujian peringkat akhir. Saringan dijalankan dengan tujuan memastikan qari dan qariah terbaik terpilih, dan daripada mereka, siapa yang bakal mewakili Singapura di musabaqah peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur kelak.

Misalnya, dalam saringan peringkat dewasa pada tahun 2008, daripada 42 orang peserta (30 qari dan 12 qariah), hanya 12 qari dan tujuh qariah terpilih ke peringkat separuh akhir. Dari situ pula, hanya lima qari dan lima qariah terpilih ke peringkat akhir.

Lahirnya para qari dan qariah bukanlah semalaman. Membaca Al-Quran dengan betul bukan tugas bidan terjun. Setiap peserta dalam MTQ mempunyai guru mengaji yang memimpin dan mendidik mereka dalam bidang taranum. Merekalah yang memberi asuhan secara individu kepada qari dan qariah hingga berjaya di peringkat akhir dan seterusnya menjadi johan di Peringkat Kebangsaan sebelum berganjak ke peraduan peringkat antarabangsa.

Guru-guru taranum terdahulu, seperti Almarhum Haji Husin Ikhsan, Ustaz Syed Sidek Ismail, Haji Ahmad Rais, Ustaz Embok, Ustaz Ajmain, Ustaz Mustafa Ahmad dan lain-lain, telah berjaya melahirkan qari dan qariah yang kemudian menjadi johan dan johan-johan ini menyusuli jejak langkah guru-guru mereka dalam membimbing qari dan qariah generasi masa depan.

Perkembangan tilawah Al-Quran bukan hanya terdapat pada musabaqah. Masjid Kampung Siglap yang menjadi Pusat Al-Quran atau Darul Quran di Singapura mempunyai kelas tahfiz, taranum dan qiraat serta program yang lain termasuk menerbitkan naskhah Al-Quran mushaf Singapura. Masjid-masjid lain yang mempunyai kelas taranum antaranya adalah: Ar-Raudah, Omar Kampong Melaka, Mujahidin, Assyafaah dan Al-Mukminin.



Gambar En Othman Wok, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Pengerusi Jawatankuasa Ujian Al-Quran Republik Singapura dengan amanatnya pada tahun 1967

Makalah yang diterbitkan semasa Pertandingan Membaca Al-Quranul Karim Singapura Tahun 1967



فراوتوسن فروسي جوانكواس
اوجين القرآن تكارا ويليك سيغافورا

دغن نام الله نبع منها تفاسنه لآكي مها
فيابغ. ساي سديكن فراوتوسن ريفكس
اين دغن مفوضك كسكوران كحضرة
اوهم اعتله مديفك رسة دان كويسان
دافة كيت برسام ٢ ددالم مجلس بجان
القران بع مليا اين.

مجلس فرندلغن اين اذاله باكي كالي اتمكلالن بع داليجوركن
اوله مجلس لصدحة اسلام باكي فيبق فورته ريلياك كيت دباوه
ناوغن بعليا فرسيدة ا. يوسف بن اسحاج الحاج. جوك التسوق
اريرة ليالا كيمبان بع ددهيكن اوله بعليا فرسيدة دان وانسا
اونام جي. قوان اور عابسه.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada keupayaan masyarakat Islam Singapura melahirkan qari dan qariah yang berwibawa, termasuklah:

Pertama, sejak 1950-an dan 1960-an lagi, budaya mengaji di rumah, masjid, surau dan madrasah sudah lama diamalkan di Singapura.

Kedua, terdapat asatizah yang menubuhkan pusat swasta bagi pengajian Al-Quran di bangunan kedai atau pejabat. Jumlah pusat seperti itu telah bertambah sehingga menawarkan pembelajaran pada peringkat awal seperti mengenal huruf Al-Quran, taranum hingga ke peringkat tahfiz.

Ini termasuk Markaz Al Jazari – Pusat Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Pusat Pendidikan Al-Riayaadh, dan juga persatuan seperti Badan Pendidikan Radin Mas (BAPA) yang mempunyai program khusus Al-Quran seperti tahfiz dan membaca Al-Quran menggunakan Braille bagi orang yang cacat penglihatan.

Ketiga, hasil program musabaqah yang dijalankan Jawatankuasa MTTQ saban tahun yang telah menyemarakkan lagi semangat untuk mempelajari dan menguasai seni bidang pembacaan Al-Quran.

Keempat, sungguhpun terdapat pusat pendidikan Al-Quran yang semakin banyak di Singapura, sejak tahun 1950-an hingga kini, tidak dapat kita nafikan peranan qari dan qariah sendiri yang telah berjaya sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa.

Setentunya kejayaan mereka tersebut hasil daripada kegigihan usaha mereka sendiri. Namun, kejayaan mereka turut berlandaskan sokongan daripada ahli keluarga mereka dan ibu bapa mereka, juga guru-guru Al-Quran mereka yang tidak pernah lekang menyemarakkan lagi semangat untuk mempelajari seni taranum.

Antara 'Keluarga Al-Quran' tersebut ialah keluarga Haji Mohd Patri Abdul Kadir, johan qari kebangsaan 1983, yang mengasuh cucu-cucunya – Siti Syahir, Mohd Suhaimi dan Mohd Syamir Jamalludin – menjadi johan di peringkat kanak-kanak, belia dan sekarang ini, johan-johan pada peringkat dewasa, termasuk mewakili negara di MTQ Antarabangsa.

Haji Mohd Rizal Husin, johan qari peringkat dewasa pada 1991, 1994, 1995 dan 1998, pula berjaya mendidik anak-anaknya, Ibrahim dan Ahmad Daniyal, sebagai qari. Ahmad Daniyal muncul sebagai johan kanak-kanak tahun 2006, johan qari belia pada 2009 dan 2010.

Bagi keluarga Haji Abdul Latif, anaknya Mohd Sadid Abdul Latiff, menjadi johan berturut-turut di peringkat kanak-kanak, belia dan dewasa. Seorang lagi anak beliau, Mohd Syahid, juga menjadi peserta akhir MTQ.

Haji Khamsani Karim pula, selain mendidik sendiri kesemua anaknya, juga menyediakan guru Al-Quran untuk mereka. Sebagai tambahan, beliau menjadi guru stamina mereka supaya anak-anaknya dapat mengawal pernafasan dalam membawakan taranum.

Kesemua anak beliau – Nurul 'Izzah, Nurul Huda, Almarhumah Majiidah, Aliah Husna dan Mohd Tirmizi – menjadi johan untuk kesemua kategori sementara Mohd Tamliikha dan Aathirah sampai ke peringkat akhir MTQ.



Majlis Tilawah dan Tahfiz Al-Quran pertama kali diadakan di auditorium Hab Islam Singapura pada tahun 2009

Kemeriahan acara Musabaqah Tilawatil dan Tahfiz Al-Quran dapat dilihat dengan betapa ramainya kehadiran pencinta Al-Quran





Buku yang diterbitkan sewaktu majlis Musabaqah juga menyenaraikan para finalis qari, qariah dan belia untuk tahun itu



Antara buku-buku Musabaqah Tilawatil dan Tahfiz Al-Quran yang diedarkan sewaktu majlis musabaqah

Sebuah lagi keluarga yang sentiasa menyertai MTQ ialah keluarga Haji Afandi Mawadi. Bukan sahaja anak-anak beliau Farah Diana Afandi (johan qariah kanak-kanak 2002), Farah Nadhirah Afandi (johan kanak-kanak 2011), Md Zulqarnain dan Md Dzulfiqar – bahkan isteri beliau, Rozlina Ahmad, dan adik-beradiknya, Mohd Sauki dan Aljunaidi, turut serta dalam MTQ.

Majlis musabaqah tilawah Al-Quran biasanya dijalankan di masjid-masjid untuk peringkat saringan. Bagi peringkat akhir pula, ia pernah diadakan di Pusat Islam, Masjid Sultan dan Panggung Negara.

Pada tahun-tahun awal sehingga awal 2000-an, menjadi tradisi bagi majlis musabaqah tilawah kebangsaan menggunakan tema yang berlainan setiap tahun, dalam usaha menjadikan acara tersebut kekal relevan dengan pembacaan Al-Quran dan masyarakat Islam setempat.

Tema-tema ini termasuk:

- 1976: Al-Quran menyeru perpaduan dan mencipta kemakmuran
- 1979: Al-Quran sumber ilmu
- 1980: Al-Quran pembasmi kejahilan
- 1981: Al-Quran pembimbing ke jalan yang benar
- 1988: Islam itu agama mudah
- 1989: Al-Quran sumber rumah tangga berakhlak
- 1996: Kemajuan berlandaskan Al-Quran
- 1997: Al-Quran penawar dan rahmat
- 1999: Ilmu berteraskan Quran dan hadith
- 2001: Al-Quran mukjizat sepanjang hayat
- 2002: Al-Quran menjana insan madani
- 2009: Berdaya tahan mengharungi cabaran

Juga menjadi kebiasaan bagi majlis musabaqah tilawah kebangsaan peringkat akhir menjemput para pemimpin Melayu/Islam setempat untuk menjadi tetamu terhormat.

Barisan tetamu terhormat termasuklah Encik Othman Wok (ketika itu Menteri Hal Ehwal Masyarakat); Haji Rohan Kamis (ketika itu Anggota Parlimen bagi Telok Blangah); Encik Wan Hussin Zoohri (ketika itu Anggota Parlimen bagi Kampong Ubi); Encik Hawazi Daipi, pada waktu itu Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Tenaga Manusia dan Kementerian Kesihatan dan Anggota Parlimen bagi GRC Sembawang; Dr Mohamad Maliki Osman, pada waktu itu Setiausaha Parlimen Pembangunan Negara dan AP GRC Sembawang; dan Dr Yaacob Ibrahim, ketika itu Menteri Sekitaran dan Sumber Air dan Menteri Ehwal Masyarakat Islam Singapura.

Acara penting sering diadakan selari dengan musabaqah. Misalnya, pada tahun 2010, Masjid Kampung Siglap melancarkan Al-Quran Mushaf Singapura sempena berlangsungnya musabaqah.

Penganjuran majlis tilawah pada 2009 pula diadakan bersamaan dengan sambutan ulang tahun Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) yang ke-40. Pada tahun itu juga, buat pertama kali ia diadakan di bangunan Hab Islam Singapura.

Melalui sumbangan dan penglibatan peneraju dan tenaga baru dalam bidang musabaqah tilawah dan hafiz, masa depannya tampak cerah lagi menjanjikan ke arah pembudayaan pembacaan dan penghayatan Al-Quran.

Jejak Tilawah

Impian Menjadi Kenyataan

SEJARAH musaqabah bukan sahaja kekal dalam kenangan kehidupan sesebuah masyarakat, malah meninggalkan kesan besar ke atas insan-insan yang memakmurkan acara serba mulia itu.

Ambil contoh seorang budak bernama Zubaidah Binte Mohammad Tahir. Ketika kecil, dia mengikuti makciknyanya pergi ke Kuala Lumpur. Sebabnya, dia ingin menemani makciknyanya yang terpilih mewakili Singapura di Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) peringkat antarabangsa anjuran Malaysia.

Makciknyanya itu bernama Suhrah Binte Arpawi. Tahunnya sekitar 1966, sebelum Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) ditubuhkan dan menguruskan penganjuran musabaqah di Singapura. Ustazah Suhrah terpilih mewakili Singapura kerana beliau muncul sebagai johan qariah peringkat kebangsaan di Singapura waktu itu.

Ternyata penyertaannya tidak sia-sia. Ustazah Suhrah mendapat tempat ketiga. Beliau masih teringat akan keriangian malam itu apabila rombongan dari Singapura begitu gembira sehinggakan ingin pulang pada malam itu juga untuk menyampaikan berita itu kepada ahli keluarga dan rakan-rakan di rumah.

Kini, budak bernama Zubaidah itu sudah dewasa dan bergelar Ustazah.



Kemenangan makciknya yang mengagumkan itu membuat Ustazah Zubaidah bertekad, “Satu hari nanti, saya ingin menjadi seperti makcik saya itu.”

Impiannya menjadi kenyataan. Apabila dewasa, Ustazah Zubaidah memasuki musabaqah peringkat nasional dan muncul sebagai johan bagi lima tahun – 1995, 1997, 1998, 2001, 2003.

Kini, Ustazah Suhrah, 82 tahun, meluangkan masanya beristirahat. Beliau dikelilingi kenangan manis semasa beliau berkecimpung dalam bidang musabaqah dahulu. Beliau teringat pada mulanya, apabila beliau dan sekitar 20 wanita lain menghadiri kelas mengaji semasa muda, dan guru mengaji waktu itu mengajar mereka tentang pembacaan Al-Quran dan kemudian memilih mereka untuk masuk peraduan membaca Al-Quran. Dari situ, beliau berjaya di peringkat kebangsaan, dan kemudian di peringkat antarabangsa di Malaysia.

Bagi kejayaannya di Kuala Lumpur itu, antara hadiah yang diterima Ustazah Suhrah adalah senaskhah khas Al-Quran dengan setiap halamannya bersalut plastik. Kitab itu tidak dibiarkannya lapuk; selain dibaca, ia digunakan dalam majlis khas keluarga seperti majlis pernikahan dan khatam Al-Quran.

Ustazah Suhrah tidak mensia-siakan bakatnya membaca Al-Quran. Beliau mengajar mengaji sehingga usianya 70-an tahun tanpa mengenakan sebarang bayaran dan turut membantu mengenal pasti bakat baru membaca Al-Quran untuk disertakan ke dalam peraduan.

“Memang dulu saya gembira mewakili Singapura,” katanya. “Musabaqah penting kerana kita perlu perbetulkan bacaan Al-Quran. Tiada larangan ke atas wanita untuk mendengarkan suaranya untuk tilawah.”

Bagi Ustazah Zubaidah pula, kini berusia 64 tahun, antara manfaat membaca Al-Quran dengan elok adalah peluang “membantu membetulkan bacaan orang lain, misalnya anggota keluarga saya sendiri”.

Kini, selepas merangkul kejayaan lima kali di peringkat nasional dan mewakili Singapura, beliau melahirkan harapan agar kelak ada Akademi Al-Quran yang akan membudayakan pembacaan Al-Quran yang baik, selain kelas-kelas yang diadakan dewasa ini.

Baginya, disiplin perlu ada dalam mempelajari Al-Quran, dan akademi sedemikian dapat menginstitusikan disiplin tersebut.

Ustazah Zubaidah, yang mempunyai tiga orang anak lelaki dan seorang anak perempuan, teringat bagaimana gigihnya beliau berlatih sebelum majlis musabaqah antarabangsa di Kuala Lumpur.

“Selama sebulan setengah sebelum peraduan, saya akan bergegas ke masjid selepas subuh untuk belajar dengan guru saya, kemudian baru saya pergi kerja,” katanya.

Pokoknya, setiap kali ada musabaqah, srikandi Singapura turut ke depan untuk bersama menyemarakkan Al-Quran, baik di pentas negara ataupun antarabangsa.

Ustazah Suhrah di Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Antarabangsa di Malaysia tahun 1966



Ustazah Zubaidah menjadi wakil Singapura dan juara qariah sebanyak lima kali mengikut jejak makciknya



Setelah bersara, Ustazah Zubaidah kini lebih menumpukan masa beliau untuk mengajar kelas-kelas Al-Quran di merata masjid Singapura



Bertapak di Pentas Dunia

Bertapak di Pentas Dunia

Qari, qariah harumkan nama negara

SEJAK majlis musabaqah diadakan di Malaysia, Singapura secara istiqamah menghantar qari dan qariahnya setiap tahun untuk turut serta. Ia atas dasar muhibah dan pertalian ummah, selain berkongsi visi untuk bersama menyemarakkan Al-Quran.

Namun, penyertaan qari dan qariah Singapura di luar negara tidak terbatas di Kuala Lumpur sahaja.

Sejajar dengan semangat menyemarakkan Al-Quran di seluruh pelosok dunia, johan qari dan qariah Singapura turut dipilih mewakili Singapura ke musabaqah Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) yang diadakan di negara-negara Mesyuarat Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (Mabims), iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Kebiasaannya, negara tuan rumah yang menganjurkan sidang Mabims juga adalah penganjur bagi MTQ peringkat kanak-kanak. Singapura menjadi tuan rumah Mabims pada 2012 dan turut menganjurkan MTQ Kanak-kanak.

Bukan itu sahaja, malah johan kategori belia kebangsaan dipilih mewakili negara ke MTQ peringkat belia anjuran Brunei Darussalam.

Negara Brunei menganjurkan MTQ peringkat belia sejak tahun 2000 dan ianya diadakan dua tahun sekali. Peraduan itu disertai negara-negara Asia Tenggara – Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura, Laos, Thailand, Vietnam, Kemboja, Filipina dan Myanmar.





Qariah Singapura Sharifah Rashidah Syed Idros Alkaff membaca di dalam Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara tahun 2003 di Negara Brunei Darussalam.



Wakil-wakil Singapura Husnah Khairany dan Muhd Sadid di majlis tilawah kanak-kanak MABIMS

Antara kejayaan tertinggi peserta negara adalah pada sidang Mabims yang berlangsung di KL pada Oktober 2002, apabila qari Singapura, Mohd Sadid Abdul Latiff, mendapat tempat kedua dan qariah, Husnah Khairany Muhd Husni, menduduki tempat ketiga.

Dalam MTQ Peringkat belia ASEAN pada 2003, Sharifah Rashidah Syed Idros Alkaff mendapat tempat ketiga. Pada 2005, beliau mengulangi kecemerlangannya mendapat tempat ketiga.

Pada MTQ Antarabangsa yang pertama kali diadakan di Jakarta pada 2003, Nurul Huda binti Khamsani berjaya mendapat tempat ketiga.

Muhammad Zul Fadhli Abdul Razak mendapat markah 90.6 peratus – satu markah yang memberangsangkan. Beliau, ketika itu berumur 20 tahun, pernah menjadi johan peringkat belia Singapura pada 2008.

Pada 2013, buat pertama kali Singapura berjaya menduduki tempat pertama dalam Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) Belia Asia Tenggara kali keenam yang dianjurkan Negara Brunei Darussalam.

Pada 2017 pula, Atiqah Suhaimi meraih tempat ketiga dalam musabaqah antarabangsa bagi belia yang dianjurkan di Kuala Lumpur.

Dalam peringkat dewasa di peringkat antarabangsa, qari Singapura, Haji Mohd Fadzuli Bajuri, pernah menduduki tempat kedua pada tahun 1969 dan 1971.

Qariah Hajah Kamsiah Amir pula mendapat tempat kedua pada 1977. Hajah Nur Azizah Solicin mendapat tempat ketiga pada 2011.

Tahniah kepada duta-duta Singapura ini atas kejayaan mewakili Singapura. Semoga kejayaan mereka disusuli lagi dengan kejayaan lain demi memartabatkan lagi kedudukan Al-Quran di seluruh dunia.



Bertapak di Pentas Dunia

Haji Mohd Fadzuli Bajuri - Pencapaian tertinggi bukanlah trofi

PENCAPAIANNYA bukan sekali, tetapi berkali-kali. Begitulah Encik Mohd Fadzuli Bajuri. Pencapaiannya bukan sahaja di pentas negara, malah di gelanggang antarabangsa.

Beliau juara pembacaan Al-Quran negara selama lima kali. Beliau juga meraih tempat ketiga sekali dan tempat kedua di gelanggang antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau merupakan johan musabaqah tilawah Al-Quran Singapura dari tahun 1967 (ketika itu bukan di bawah Muis), 1968 (di bawah Muis) hinggalah 1972 sebanyak enam tahun berturut-turut.

Beliau juga pernah menjadi hakim MTQ Belia-Belia Asian di Bangkok, Thailand dan selama lebih tiga dekad diundang menjadi antara juri hakim MTQ di Singapura.

Jasa berterusan beliau adalah membimbing para qari dan qariah mewakili negara ke peringkat antarabangsa di Malaysia. Di antara mereka adalah Haji Abdul Wahid Muhammad, Haji Mohd Rizal Husin, Khairul Khalid, Nur Muhammad, Mohd Syarafuddin, Ustazah Khamsiah Amir, Ustazah Nurul 'Izzah Khamsani dan Ustazah Nurul Huda Khamsani.

Di rumah, beliau menyimpan dua trofi besar yang dibawanya pulang kerana memenangi kejuaraan kebangsaan tiga kali berturut-turut – pada 1967 hingga 1969, dan pada 1970 hingga 1972. Kedua-dua itu adalah hadiah daripada Presiden pertama Singapura, Almarhum Yusof Ishak.

Namun, baginya, itu tetap bukan pencapaian terbaiknya.

Beliau menceritakan bagaimana beliau mula meminati pembacaan Al-Quran bertaranum. Sewaktu remaja belasan tahun, beliau kerap duduk di tangga rumah jirannya untuk mendengar seorang bapa mengajar Al-Quran kepada anak dan anak saudaranya. Si ibu melangkah keluar untuk membeli barang. Ibu itu terpandang beliau di tangga. Dia segera memberitahu suaminya yang kemudian mengajak Encik Mohd Fadzuli belajar bersama. Dari situlah bermulanya sejarah beliau.

Itulah yang berlaku di Kampung Coronation, yang sekarang dinamakan Jalan Haji Alias, atau lebih mesra digelar Kampung Tempe (walaupun sebenarnya pembekal tempe di Jalan Lim Tai See).

Encik Mohd Fadzuli, yang pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengurusan Masjid Al-Huda, meninggalkan kampungnya pada akhir 1990-an.

Encik Mohd Fadzuli mengatakan, guru Al-Qurannya mencadangkan beliau menghalusi pembacaan Al-Quran dengan seorang guru Al-Quran, Ustaz Haji Husain Ehsan Al-Hafiz, yang tinggal di Jalan Sultan. Saranan ini dikuatkan lagi oleh Kiayi Hj Zuhri Mutammim yang kebetulan sahabat karib, Ustaz Haji Husain.

Berikutan dengan saranan ini, beliau seterusnya dibimbing oleh Ustaz Haji Husain dari tahun 1967 hingga akhir hayatnya pada tahun 1979. Semasa hayatnya, Ustaz Haji Husain tidak mengehadkan kedatangan Encik Mohd Fadzuli ke rumahnya untuk tahsin Al-Quran.

Dengan bimbingan Ustaz Haji Husain, Encik Mohd Fadzuli mengambil bahagian dalam musabaqah peringkat kebangsaan dan muncul sebagai johan penyertaannya yang pertama (tahun 1967).

Pada tahun itu juga, beliau mengambil bahagian dalam pertandingan tilawah Al-Quran anjuran UMNO Singapura sebagai wakil Barat Singapura. Sekali lagi, beliau muncul juara. Pertandingan ini dihakimi oleh para hakim dari Malaysia.

“Jadi, terbuktiilah saya tidak mengharapkan atau bergantung kepada sesiapa untuk berjaya. Kemenangan saya itu ditentukan Allah,” katanya tersenyum, dengan rendah hati.

Malah, itu bukan kemenangannya yang pertama. Beliau menjadi johan pada tahun 1967, 1968 dan 1969. Menurut peraturan, juara tiga kali berturut-turut berhak memiliki trofi kemenangannya.

Selepas itu, beliau ingin mengundurkan diri daripada mengambil bahagian dalam musabaqah. Sebagai Setiausaha Sukan di sekolah, beliau mendapati sukar untuk mengimbangi latihan dan pengajian Al-Qurannya. Sekiranya beliau dikehendaki menyertai seterusnya, beliau minta dikecualikan daripada peringkat saringan dan terus mara ke peringkat akhir. Persyaratannya diterima Muis. Beliau terus bertanding daripada tahun 1970 hingga 1972. Dalam pertandingan ini, beliau juga menjadi juaranya tiga tahun berturut-turut.

Hadiah-hadiah yang dimenangnya selain daripada trofi adalah jam tangan Omega, Citizen dan Seiko yang ditaja oleh Berita Harian. Namun, hadiah yang lebih berharga buat beliau adalah menunaikan fardu haji.

Hj Fadzuli menerima piala daripada presiden pertama Singapura, Tn Hj Yusof Ishak



Selain daripada kegiatan musabaqah, beliau dijemput High Tea di Istana bersama Presiden Yusof Ishak dan membaca Al-Quran sebelum beriftar di kediaman Duta Saudi Arabia. Di sinilah beliau disarankan sama ada beliau boleh membacanya di Masjid Nabawi. Duta Saudi itu menyetujuinya dengan memberi surat kebenaran untuk disampaikan kepada Mufti Madinah.

Di Madinah, beliau ditemu ramah oleh Mufti dan beberapa orang pegawai Masjid Madinah. Beliau dipersilakan membacanya di hadapan pegawai-pegawai tersebut. Mereka kagum dengan bacaan beliau dan membenarkannya membaca pada malam itu juga serta seterusnya selama beliau berada di Madinah. Beliau menyumbangkan bacaannya selepas solat Isyak.

Menurut kata beliau, seelok-elok selesai membacanya, setelah beliau turun dari tempat membaca, beliau susah hendak bergerak kerana terlalu ramai yang mengerumuninya hinggakan beliau terlupa di mana beliau meletakkan seliparnya. Beliau pulang ke tempat penginapan berkaki ayam.

“Membacakan ayat-ayat Al-Quran dalam Masjid Nabawi – itulah anugerah tertinggi daripada Pencipta seseorang insan, jauh lebih penting daripada dua trofi yang saya menangi di sini,” katanya, sayu.



Cikgu Fadzuli dan Cikgu Aminah pernah menjuarai Musabaqah Tilawatil Quran sebanyak enam kali berturut-turut dan berjaya mengambil pulang piala pusingan ke rumah



Cikgu Fadzuli bersama guru-guru dan pembimbingnya



Pengiktirafan Pemimpin

Pengiktirafan Pemimpin

Perangsang meneruskan musabaqah

MAJLIS musabaqah tilawah Al-Quran (MTQ) terus mendapat sokongan daripada para pemimpin Melayu/Islam Singapura. Misalnya, Presiden pertama Singapura, Almarhum Yusof Ishak, pernah meraikan johan kebangsaan dan wakil Singapura ke Kuala Lumpur di Istana.

Seperti kata Dr Yaacob Ibrahim, ketika itu Menteri Sekitaran dan Sumber Air dan Menteri Ehwat Masyarakat Islam Singapura, pada ucapannya di majlis pertandingan Tilawah dan Tahfiz pada tahun 2006:

“Majlis yang penuh berkat ini, selain dapat menyatukan masyarakat pelbagai latar, pendidikan dan peringkat usia, juga adalah wadah berkesan dalam memupuk minat seni pembacaan Al-Quran (taranum), menghayati keindahannya, mempelajari dan mendalami pengajarannya dan sebagai ibadat yang dapat mendekatkan kita kepada Allah swt.”


Dr Mohamad Maliki Osman, ketika itu Setiausaha Parlimen (Pembangunan Negara) dan juga Anggota Parlimen GRC Sembawang, mengatakan pada majlis pertandingan Tilawah dan Tahfiz pada tahun 2008:

“Aktiviti-aktiviti (pembacaan Al-Quran) ini semua adalah satu usaha penting untuk membentuk identiti Muslim Singapura. Ini dapat direalisasikan dengan memberi penekanan pada pemahaman serta penghayatan mesej Al-Quran yang membawa pada kemajuan serta pembangunan tamadun kemanusiaan.”

Setiausaha Parlimen Kanan Kementerian Kebudayaan ketika itu, Encik Sha'ari Tadin, pula berkata:

“Dengan adanya pertandingan membaca Al-Quran yang dianjurkan Muis setiap tahun, ini akan mendekatkan kita semua ke arah hidup yang berdisiplin, sebab Al-Quran adalah menjadi sumber membina keimanan dan disiplin manusia.”

Mantan ahli parlimen Tn Hawazi Daipi menyampaikan ucapannya di majlis Musabaqah Tilawatil dan Tahfiz Al-Quran tahun 2010



Presiden Singapura yang pertama, En Yusof Ishak, pernah meraikan johan kebangsaan dan wakil Singapura di Istana. Cikgu Fadzuli, johan qari Singapura tahun 1967, berada di barisan ke empat

Haji Mohd Alami Musa, Presiden Majlis Ugama Islam Singapura ketika itu pernah menyatakan:

“Musabaqah Tilawah Al-Quran adalah suatu usaha mulia yang bertujuan mencerna pembaca-pembaca Al-Quran yang dapat menguasai pembacaan yang bemutu tinggi. Ia juga merupakan wadah penting untuk meningkatkan lagi martabat serta kedudukan Al-Quran dalam masyarakat.”

“Musabaqah tilawah Al-Quran merupakan satu majlis yang mampu meningkatkan rasa kecintaan masyarakat Islam Singapura pada Al-Quran. Semangat yang terus disemai ini, dan dipertingkatkan lagi dengan pemahaman serta penghayatan yang jelas mengenai isi kandungan Al-Quran, akan membentuk daya tahan yang tinggi dalam diri masyarakat mengharungi cabaran kehidupan masa kini dan yang mendatang.

“Kecintaan pada Al-Quran sememangnya membentuk peribadi Muslim yang membawa pada kebaikan dan mampu memberi sumbangan yang berkesan pada semua umat manusia,” tambah beliau.

Mantan Mufti Negara Singapura, Sheikh Syed Isa Bin Mohd Semait, turut melahirkan harapannya:

“Semoga dengan adanya majlis-majlis seperti ini, ramai lagi daripada kalangan kita akan lebih cenderung untuk membaca, memahami Al-Quran serta mengambil iktibar dari nilai-nilai Al-Quran.”

Dengan sokongan jitu tahun demi tahun daripada para pemimpin masyarakat, majlis musabaqah terus bersuluh merintis jalan kemajuan untuk umat Islam di Singapura.

Pengiktirafan Pemimpin

Haji Mohammad Ayub Johari - Merakamkan Kesyukuran

HAJI Mohammad Ayub Johari seorang yang rajin menulis kepada akhbar Melayu setempat, Berita Harian. Melalui penulisan itu, beliau merakamkan pelbagai aspek sejarah masyarakat Melayu Islam Singapura. Malah, beliau telah mula menyumbangkan rencana kepada akhbar tersebut hanya dua tahun selepas BH dilahirkan.

Antara perkara yang dirakamkannya adalah perkembangan musabaqah tilawah Al-Quran di Singapura.

Beliau, kini berusia 77 tahun, layak membuat rakaman sedemikian memandangkan beliau pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa MTTQ dari 2005 hingga 2010. Malah, beliau telah mengikuti perkembangan musabaqah sejak ia mula-mula diasaskan dulu di bawah pengendalian Majlis Ugama Islam Singapura pada 1968.

Berikut pemerhatiannya, merumuskan perkembangan musabaqah:

“Yang menarik, peserta yang baik bacaannya pada peringkat kanak-kanak akan terus mengekalkan mutu bacaan pada peringkat belia dan dewasa. Bahkan, ada peserta, baik qari mahupun qariah, yang menjadi johan pada peringkat kanak-kanak kemudian menjadi johan belia dan seterusnya dewasa.

“Peserta peringkat dewasa juga bertambah kerana peserta peringkat belia yang telah mencapai usia 18 tahun akan menyertai peringkat dewasa.”

Beliau memberikan contoh Mohd Sadid Abdul Latiff yang menjadi johan nasional peringkat kanak-kanak selama tiga tahun berturut-turut – 2002, 2003 dan 2004, johan belia pada 2005 dan 2007 dan johan dewasa pada tahun-tahun 2009 dan 2011.

Mohd Syamir Jamalludin pula menjadi johan kanak-kanak pada tahun 2005, johan belia 2006 dan johan dewasa 2008 dan 2010.

Contoh-contoh sedemikianlah yang membuatnya lebih semarak untuk menghidupkan budaya membaca Al-Quran di kalangan masyarakat Islam Singapura.

Sebagai guru, Haji Mohammad Ayub pernah mengajar di beberapa sekolah aliran Melayu, seperti Sekolah Melayu Marsiling, Sekolah Melayu Tanglin Tinggi dan Sekolah Melayu Pulau Seking. Sekolah terakhirnya ialah Sekolah Menengah Northland.

Bekas pelajar Sekolah Melayu Kota Raja itu juga pernah menyertai Ikatan Pelajar Melayu Singapura (IPMS) yang menyatukan pelajar Melayu daripada sekolah Melayu, madrasah dan sekolah Inggeris.

Seluas pengalamannya dalam dunia perguruan, jasanya kepada masyarakat Islam setempat jauh lebih luas dan besar. Beliau pernah menganggotai Majlis Tertinggi Muis antara 1980 dengan 1986. Beliau juga menerima Anugerah Jasa Cemerlang Muis pada 2013, anugerah tertinggi badan berkanun itu sebagai mengiktiraf segala sumbangan dan pengorbanannya sejauh ini.

Beliau terkenang waktu Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) ditubuhkan pada 1968. Ketika itu Muis mahu menganjurkan musabaqah. Sambutan daripada masyarakat Islam setempat sukar dijangkakan waktu itu memandangkan Muis sebuah entiti baru.



Cikgu Ayub bergambar di hadapan Masjid Yusof Ishak yang bertempat di Woodlands, Singapura.



Cikgu Ayub menjadi anggota jawatankuasa penganjur musabaqah tilawah Al-Quran sejak tahun 1968

Dari situlah beliau mengenangkan permulaan peranannya dalam bidang musabaqah tilawah Al-Quran:

“Apabila Muis ditubuhkan pada 1968, Ustaz Embek Ali yang dilantik menduduki jawatankuasa tertinggi Muis meminta saya agar sama-sama membantu dalam jawatankuasa penerangan untuk menjalankan kegiatan penerangan tentang Muis, sehinggalah sampai kepada pembentukan JHD pada 1980-an.

“Secara kebetulan, waktu itu juga Muis hendak menganjurkan musabaqah, jadi dalam saya ulang-alik ke Muis, saya juga termasuk secara sendiri.”

Ternyata masyarakat Islam setempat memberikan sambutan yang cukup meriah kepada musabaqah yang dianjurkan pihak Muis. Waktu itu terdapat banyak kampung di Singapura, jadi sokongan mereka lebih padu diberikan kepada qari atau qariah masing-masing.

Malah, mereka seringkali sanggup sewa bas untuk menghantar wakil mereka ke tempat pertandingan diadakan. Waktu itu, tempatnya di Panggung Negara di River Valley Road.

Walaupun panggung itu besar, sambutan tetap meriah sehingga seluruh panggung terisi.

“Kita berasa bersyukur kerana sambutan sangat baik. Waktu itu juga, Radio Singapura bahagian Melayu menyiarkan musabaqah secara langsung,” kenang beliau.

Beliau meneruskan: “Dulu, sambutannya berbeza waktu adanya kampung-kampung. Sungguh meriah sekali. Sekarang keadaan berubah. Kemudahan Internet digunakan untuk mengikuti dan menyebarkan musabaqah tilawah. Sambutannya boleh dikatakan memuaskan. Namun, dulu sambutannya lebih gah.”

Kini, dewan di Muis yang boleh memuatkan 200 hingga 300 orang biasa digunakan untuk peringkat akhir musabaqah. Namun terdapat juga permintaan untuk ditambah lagi ruang supaya lebih ramai lagi peminat musabaqah dapat menghadiri acara tersebut.

Haji Mohammad Ayub menyatakan pihaknya mengadakan kursus untuk mempersiapkan calon-calon nasional yang terpilih untuk mewakili Singapura di Kuala Lumpur, tempat di mana musabaqah tilawah Al-Quran biasa diadakan oleh Malaysia.



Cikgu Ayub menerima penghargaan dari mantan ahli parlimen Zainul Abideen Rasheed di majlis Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran tahun 2009



Antara kegiatan yang dijalankan Cikgu Ayub adalah persiapan johan qari dan qariah Singapura untuk musabaqah tilawah dan tahfiz Al-Quran antarabangsa

Menurutnya, Muis bersikap inklusif dalam mengundang qari terkenal dari Indonesia dan Malaysia untuk sama ada melatih qari dan qariah setempat atau menjadi jemaah pengadil.

“Dalam tahun 1980-an, Jawatankuasa Haiyah Dakwah Pusat membantu menubuhkan Jamaatul Qura, yang mengumpulkan kesemua qari dan qariah, yang menang dan yang tak menang, demi menggalakkan mereka untuk meningkatkan bacaan dengan lebih baik,” katanya.

Namun, menurutnya, dari segi penyertaan sekarang terdapat lebih ramai calon kerana ada lebih banyak kategori – kategori dewasa, belia, kanak-kanak dan tahfiz. Mentelah tilawah bahagian belia, kanak-kanak dan dewasa diadakan setiap tahun.

“Kanak-kanak dan belia yang turut serta bukan sahaja dari madrasah, malah juga dari sekolah biasa, aliran Inggeris. Mereka berkebolehan untuk sama bersaing dengan pelajar madrasah. Peserta peringkat dewasa juga bertambah kerana jika dulu ada had umur lebih rendah, kini had usianya 50 tahun,” tambah beliau.

Yang penting, beliau bersyukur kerana negara sekecil Singapura boleh melahirkan qari dan qariah bertaraf antarabangsa.

“Saya berharap semoga kegiatan untuk menarik lebih ramai anggota masyarakat Islam menyertai kegiatan Al-Quran bukan setakat melibatkan pembacaan, malah penghayatan dan juga pengertian pembacaan tersebut.

“Saya juga berharap supaya lebih ramai anggota masyarakat akan memberikan sokongan untuk terus melahirkan generasi akan datang yang mencintai Al-Quran supaya musabaqah ini terus disertai oleh warga negara kita,” katanya.

Bagi beliau, beliau begitu bersyukur kerana masyarakat Islam Singapura telah terdedah kepada ajaran agama hinggalah mereka tahu bahawa menyertai musabaqah tilawah bukan sahaja untuk menjadi johan, malah untuk menghayati Al-Quran agar kitab suci itu dapat dibaca dengan bacaan yang terbaik.

A large, semi-transparent number '4' is overlaid on the left side of the image, partially covering the group photograph. The background is a grayscale group photo of approximately 30 people, including men in suits and women in hijabs, standing in several rows. The overall image has a dark, muted color palette with a subtle floral pattern at the bottom.

Perintis Musabaqah

Perintis Musabaqah

Malaysia anjur secara istiqamah

HANCUR badan dikandung tanah, budi baik dikenang juga. Jasa yang baik akan berkekalan sebagai warisan sepanjang zaman.

Begitulah perumpamaan inisiatif kerajaan Malaysia menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun demi tahun.

Begitu besar jasa negara jiran Singapura itu dalam secara istiqamah memartabatkan pembacaan Al-Quran hinggakan menjadi sebuah acara global yang memikat qari dan qariah seluruh dunia. Sukar menelusuri sejarah majlis tilawah Al-Quran di Singapura jika tidak melungsur sama sejarah majlis tilawah di Malaysia, kerana hubungan kedua-duanya ibarat isi dan kuku.

Acara penuh gemilang tersebut sudah menjadi satu insentif bagi Singapura mengutus para qari dan qariahnya ke sana tahun demi tahun. Malah, boleh dikatakan ia menjadi tradisi bagi Singapura, bahkan boleh dikatakan ia menjadi satu-satu acara yang dinanti-nantikan setiap tahun.

Apakan tidak, di acara itulah dapat bertemu qari dan qariah dari seluruh dunia dengan satu tujuan yang jitu – meraikan dan memakmurkan Al-Quran.

Majlis tersebut adalah ilham Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau mengusulkannya berdasarkan wawasan mempertingkatkan lagi syiar Islam melalui majlis sedemikian.

Ia pertama kali diadakan pada 22 Ramadan pada tahun Hijrah 1380 (bersamaan 9 Mac 1961). Ia merupakan kesinambungan daripada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang buat julung-julung kali diadakan pada 18 Mac tahun sebelumnya.

Majlis tilawah itu secara trasidi diadakan dalam bulan Ramadan – bulan mulia yang menyaksikan seluruh umat Islam sedunia berpuasa di samping lebih gigih mengerjakan ibadah masing-masing dan diturunkannya Al-Quran – menjadikannya lebih syahdu dan bererti.

Malaysia adalah negara pertama yang mengadakan program tersebut, sekali gus mencatatkan sejarah.

Ia memberi ruang kepada pencinta Al-Quran agar mendalami dan memperelok bacaan.

Semasa penganjurannya buat pertama kali – pada tahun 1961 – penyertaan hanya dibuka kepada negara-negara Asia Tenggara iaitu Brunei, Singapura, Thailand, Sarawak, Indonesia dan Filipina. Penyertaan qari pula dihadkan seramai 13 peserta sahaja.

Pada 1964, peserta qariah mula mengambil bahagian. Mereka mewakili Brunei, Filipina, Kemboja dan Thailand.

Yang menarik, pada tahun-tahun awal ia diadakan, negara-negara Arab tidak diundang untuk menghantar peserta masing-masing. Ini kerana Malaysia mahu melihat mutu bacaan dari negara-negara bukan Arab menyaingi prestasi qari dari negara-negara Arab terlebih dahulu. Negara-negara yang menggunakan bahasa Arab hanya mula mengambil bahagian pada tahun 1976.

Pada 1977, semakin banyak negara turut serta – 17 kesemuanya, iaitu Afghanistan, Arab Saudi, Bangladesh, Brunei, Filipina, India, Indonesia, Iraq, Iran, Jordan, Kuwait, Pakistan, Singapura, Sri Lanka, Somalia, Thailand dan Malaysia. Penyertaan bertambah tahun demi tahun, menunjukkan betapa negara Islam sedunia bersatu hati untuk terus memartabatkan kitab suci Al-Quran.

Penyertaan qari dan qariah Singapura menjadi lebih bermakna memandangkan penglibatan mereka bertanding dalam majlis tilawah Malaysia membuahkan hasil. Hampir setiap tahun menyaksikan peserta Singapura terpilih antara qari atau qariah yang terbaik dalam pertandingan. Ini merupakan satu pengiktirafan akan kegigihan mereka berlatih.

Hasilnya juga sama apabila mereka terpilih bertandang ke majlis tilawah di negara lain. Mereka menunjukkan prestasi baik dan ini telah mengharumkan nama negara dan umat Islam di Singapura.

Misalnya, qari Singapura, Haji Mohd Fadzuli Bajuri, menduduki tempat kedua di peringkat antarabangsa pada 1969 dan 1971.

Qariah dari Singapura tidak kurang hebatnya. Hajah Kamsiah Amir menjadi naib juara pada 1977, sementara Hajah Nur Azizah Solicin mendapat tempat ketiga pada 2011.

Begitulah keadaannya apabila Al-Quran sudah sehati dalam budaya dan jiwa – ke mana sahaja destinasi, tidak kira di dalam atau luar negara, ke sanalah Al-Quran dibawa dan di sanalah ia dibacakan dengan penuh nur bercahaya.

Musabaqah antarabangsa sekarang dihadiri 70 buah negara dan para hakimnya datang dari pelbagai negara termasuklah Singapura



Perintis Musabaqah

Encik Abdul Rahim Mawasi

Jurutera Musabaqah

JIKA tiada angin, takkan pohon bergoyang. Begitulah dengan musabaqah tilawah Al-Quran. Kemakmurannya dewasa ini ada penggerak, perintis dan 'juritera'nya.

Kejuruteraan dan tilawah Al-Quran. Bezanya kedua-dua bidang itu tampak macam langit dan bumi, namun bagi Encik Abdul Rahim Mawasi ia ibarat pinang dibelah dua.

Encik Abdul Rahim merupakan pengerusi jawatankuasa Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran (MTTQ), jawatan yang disandanginya sejak 2010.

Penggerak utama MTTQ untuk lebih sedekad yang lalu itu telah dipelawa oleh Haji Mohammad Ayub Johari untuk menyertai jawatankuasa Masjid An-Nur pada tahun 1998. Encik Mohammad Ayub menginginkan seseorang yang bersemangat dalam pemikiran dan boleh memimpin generasi akan datang pembaca Al-Quran yang bakal menjadi juara.

Pada masa itu, Encik Abdul Rahim merupakan anggota paling muda dalam jawatankuasa. Terdapat ramai orang lama dan veteran dalam bidang tilawah Al-Quran. Bagaimanapun, Encik Abdul Rahim yang menjadi setiausaha jawatankuasa pada tahun 2000 tidak membiarkan faktor usia itu menghalangnya.

Malah, pada tahun yang sama, beliau mencadangkan supaya kategori untuk belia diperkenalkan.

Pada tahun itu juga, saranannya itu menjadi kenyataan.

Malah, ini disusuli kategori untuk kanak-kanak pula, atas cadangannya juga, pada tahun 2002.

Encik Abdul Rahim, berusia 52 tahun, tersenyum simpul mengenangkan bagaimana bahagian-bahagian itu, walaupun baru, mampu menjana individu yang pada tahun 2003 dan 2005 mendapat tempat ketiga dalam persaingan bacaan Al-Quran di Asia Tenggara (Sharifah Rashidah Syed Idros Alkaff) manakala pada tahun 2013, wakil Singapura, Muhammad Zul Fadhli Abdul Razak, memenangi tempat pertama. Mohd Sadid Abdul Latiff pula menjadi naib juara dalam peraduan anjuran Mabims di KL pada Oktober 2002. Beliau kemudian memasuki kategori belia dan selepas itu mengibarkan sayapnya ke kategori dewasa pula.

Pada tahun 2011, Nor Azizah Solicin pula mendapat tempat ketiga di KL.

Atikah Suhaimi turut mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Antarabangsa KL pada 2017.

Menurut Encik Abdul Rahim, sambutan daripada masyarakat sangat menakjubkan. Ramai merasakan bahawa pengenalan kategori kanak-kanak dan belia merupakan satu peningkatan. Perubahan-perubahan ini juga membantu menggalakkan dan mengasuh pembaca Al-Quran.

Memanglah terdapat perbezaan, contohnya, dalam persembahan dan cara pemarkahan di peringkat antarabangsa. Namun, kesemua cabaran itu dapat ditanganinya.

Yang menarik, para peserta Singapura telah secara konsisten berkesudahan di enam tempat teratas tahun demi tahun. Ini sangat mengagumkan, memandangkan pada masa kini jumlah negara peserta semakin bertambah dari seluruh dunia.

Beliau juga tersentuh oleh semangat yang ditunjukkan ibu bapa para peserta. Ramai di kalangan mereka yang rela menanggung perbelanjaan sendiri untuk memastikan mereka dapat mengikuti kemajuan anak mereka dalam tilawah – walaupun ia bermakna pergi ke KL untuk menyokong anak mereka dalam peraduan.

Pada tahun 2007, kategori tahfiz menyusuli.

Bagi Encik Abdul Rahim, cabaran seterusnya tentulah penubuhan sebuah institusi Al-Quran.



Beliau menatang satu lagi harapan – agar dapat melihat lebih ramai kanak-kanak membaca Al-Quran.

“Jawatankuasa akan datang perlu melihat bagaimana membaca dan menterjemahkan kalimah Al-Quran dapat menjadi visi yang harus kita dukung,” katanya.

Encik Abdul Rahim kini Pengerusi Eksekutif Masjid untuk dua masjid di Singapura – Masjid Darul Aman dan Masjid Sallim Mattar.

Terdapat cabaran lain. Contohnya, anggota Jawatankuasa Induk Al-Quran (QCS) sejak beberapa dekad telah melihat perlunya membangunkan lebih ramai individu yang memiliki kemahiran untuk menghakimi pertandingan tilawah. Menurutnya, bagi mencapai impian ini, ia memerlukan latihan, sesuatu yang perlu dan akan dipertimbangkan oleh QCS.

Beliau juga memerhatikan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran tentang pertandingan tilawah dan tahfiz di kalangan masyarakat setempat. Ini boleh dilakukan melalui madrasah dan media cetak tempatan seperti akhbar Melayu, Berita Harian.

“Mungkin kita perlu membangunkan peribadi peserta itu sendiri untuk menarik perhatian masyarakat,” katanya.

Pada akhirnya, beliau gembira untuk melihat bagaimana pertandingan itu telah berkembang, dan penglibatan Singapura dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di rantau ini mahupun antarabangsa merupakan satu pencapaian yang beliau banggakan.

“Bayangkan sahaja anak-anak kita membaca Al-Quran dengan baik,” katanya. “Selain itu, Singapura telah mendapat semacam tempat dalam pertandingan ini. Secara peribadi, saya bersyukur atas perjalanan hidup saya, pertama sebagai sukarelawan dan kemudian dapat memacu MTQ untuk menjadi MTTQ sehingga ke tahap sekarang.”

Beliau juga bersyukur bahawa jawatankuasanya itu tidak pernah membangkangnya walaupun beliau adalah yang paling muda di kalangan mereka.

“Saya berasal dari pendidikan sekular, berlatarbelakangkan sebagai seorang jurutera,” katanya. “Jadi saya tidak pernah terfikir bahawa saya akan berada di mana saya kini sekarang. Kegembiraan terbesar adalah apabila peserta kanak-kanak tiba-tiba datang kepada saya dan mencium tangan saya, atau ketika ibu bapa datang dan si bapa memeluk saya, melafazkan terima kasih kepada saya kerana memberi peluang kepada anak-anak mereka. Anda sukar melupakan detik-detik seperti itu.”



Hj Abdul Rahim dalam mesyuarat bersama para juri Musabaqah Tahfiz Al-Quran 2017



Antara perkembangan musabaqah tilawatil quran yang diperkenalkan Hj Abdul Rahim Mawasi adalah kategori belia dan kanak-kanak

Keluarga Al-Quran

Haji Khamsani Karim - Makan, tidur dan senam Al-Quran

SEHATI sejiwa.

Begitulah padunya keluarga Haji Khamsani Karim dalam menyemarakkan kitab suci Al-Quran.

Mereka boleh diistilahkan keluarga Al-Quran – setiap anggota keluarga terlibat dalam tilawah dan pembelajaran Al-Quran.

Haji Khamsani sendiri tidak mungkin setanding dengan anak-anaknya, tetapi itu tidak pernah menghalangnya daripada menyediakan mereka dengan guru-guru Al-Quran terbaik untuk mencapai visi keluarga.

Malah, seisi keluarga berkorban, hinggakan pada suatu ketika dahulu tidak lelah menaiki teksi sepanjang minggu di antara Clementi dan Sembawang, hanya untuk belajar di bawah guru-guru Al-Quran itu.

Bukan itu sahaja, Encik Khamsani sendiri memainkan peranan besar dalam menjadi instruktur stamina mereka. Di bawah bimbingannya, sekeluarga misalnya bersenam lari naik dan turun tangga dan berenang berbilang pusingan di kolam renang.

Semua itu atas nama membina stamina mereka – dan pernafasan – dalam membaca Al-Quran.

Hasilnya memang manis sekali – kesemua anaknya telah memenangi sekurang-kurangnya satu pertandingan, baik dalam gelanggang nasional mahupun antarabangsa. Nurul 'Izzah, Nurul Huda, Almarhumah Majiidah, Aliah Husna, dan Mohd Tirmizi telah muncul sebagai juara dalam sekurang-kurangnya satu kategori, manakala Muhammad Tamliikhaa dan 'Aathirah sampai ke pusingan akhir MTQ. Almarhumah Majiidah pernah sampai ke final peringkat belia.

Apabila musabaqah Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) Antarabangsa diadakan buat pertama kalinya di Jakarta pada tahun 2003, Nurul Huda berjaya mendapat tempat ketiga – satu pencapaian yang sangat mengagumkan.

Encik Khamsani, yang dilahirkan pada tahun 1958, mengenang zaman silamnya sebagai seorang kanak-kanak yang tinggal di Geylang Serai, apabila jirannya yang berbangsa Arab membenarkannya menonton MTQ di TV-nya walaupun pada waktu larut malam. Maklumlah, keluarganya tiada peti TV.

“Itulah yang mencetuskan minat saya dalam tilawah Al-Quran,” katanya. “Sekiranya saya bertemu dengannya lagi, saya akan memeluknya dengan erat.”



Keluarga Hj Khamsani mula berjinak-jinak dengan musabaqah sejak kecil lagi



Adik-beradik keluarga Khamsani dengan hadiah trofi yang dimenangi semasa tahun 2002



Hj Khamsani sekeluarga mengisikan masa dengan mengajar Al-Quran di Pusat Pengajian Majiidah



Dari sana, Encik Khamsani mula mengikuti pelbagai pertandingan tilawah al-Quran yang diadakan secara nasional dan antarabangsa.

Malah, ketika bernikah juga, beliau berwawasan. Apabila mencari jodoh, beliau sengaja mencari seorang isteri yang merupakan ustazah agar boleh mempelajari bahasa Arab daripadanya.

Encik Khamsani pernah bekerja sebagai teknisyen. Sekarang, beliau mempunyai tempatnya sendiri untuk mengajar bacaan dan pembacaan Al-Quran – Majiidah Training Centre – dinamakan sempena nama anaknya, Majiidah, yang meninggal dunia beberapa tahun lalu.

Mengucapkan terima kasihnya kepada MTQ kebangsaan kerana memasukkan kategori kanak-kanak dan belia, Encik Khamsani berkata bahawa beliau sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi anak-anaknya mempelajari Al-Quran.

“Melaungkan azan adalah sebahagian daripada budaya kami. Kami sekeluarga solat berjemaah demi menyatukan hati kami,” katanya.

Baginya, pembangunan menyeluruh adalah penting, termasuk dalam tilawah Al-Quran. Itulah sebabnya beliau memasukkan latihan fizikal ke dalam rutin keluarganya. Kini, beliau merancang mewujudkan satu regim latihan pembacaan Al-Quran yang menyeluruh, termasuk unsur senaman jasmani.

Pada masa ini, anak-anaknya semuanya terlibat dalam kerja dakwah. Sebagai contoh, Nurul 'Izzah, 33 tahun, Ketua Jabatan Pendidikan dan Dakwah di Masjid Jamiyah Ar-Rabitah, telah bekerja kira-kira sedekad di masjid itu. Beliau lulusan Universiti Al-Azhar.

Encik Khamsani berkata pada masa ini, setelah menjalani latihan intensif di bawah guru, sudah tiba masanya keluarganya menyebarkan apa yang mereka pelajari mengenai pembacaan Al-Quran selama bertahun-tahun – lantaran itulah Majiidah Training Centre ditubuhkan. Bahkan, kakak-kakak mengajar adik-adik mereka.

Memang ada cabaran. Misalnya, para anggota keluarga Encik Khamsani berpendapat bahawa masyarakat harus mengubah pemikirannya terhadap penglibatan qariah dalam musabaqah.

Mereka juga berpendapat bahawa perlu ada lebih banyak sumber untuk membantu latihan para peserta yang dipilih untuk mewakili Singapura dalam pertandingan luar negara.

Satu lagi harapan mereka adalah supaya taranum kelak diajar sebagai subjek dalam program pendidikan Islam semasa, contohnya dalam kelas Adil dan aLive, serta di madrasah.

Sehati sejiwa demi Al-Quran, membentuk sebuah masyarakat Melayu Islam yang celik Al-Quran.



Jejak Sukarelawan *Berkorban secara ikhlas*

SEBUT sahaja musabaqah, dan selalunya kita memikirkan tentang qari dan qariah, asatizah dan jemaah hakim.

Namun, ada sekumpulan insan yang tanpa mereka, sukar sesuatu majlis tilawah mencapai kejayaan. Mereka tidak menunjuk-nunjuk diri ke depan, sebaliknya dengan senyap giat bertugas di belakang tirai.

Mereka tidak lain tidak bukan para sukarelawan, yang setiap tahun menyumbang bakti untuk memastikan setiap majlis musabaqah berjalan lancar.

Di majlis, merekalah orang yang membuat pendaftaran, menyusun kerusi meja, menyediakan makanan dan hadiah, melayan keperluan dan pertanyaan jemaah dan hakim, menjadi pengusung, dan seribu satu macam tugas lagi.

Yang menarik, kebanyakan mereka merupakan orang lama, dengan antara mereka sudah berdekad melibatkan diri secara khusus dengan kegiatan majlis tilawah.

Ambil contoh Encik Omar Bin Mohamed, seorang pegawai penolong logistik dalam Pasukan Polis Singapura (SPF). Walaupun sudah berusia 70 tahun, beliau tidak jemu hadir di majlis musabaqah untuk menghulurkan bantuan.

Beliau telah mula membantu dalam musabaqah sejak usia 20-an tahun, pada tahun 1968. Ini bermakna beliau sudah menjadi sukarelawan musabaqah tilawah Al-Quran selama 50 tahun!

“Saya sudah saksikan semua, sejak musabaqah diadakan di Panggung Negara, hinggalah stadium, hinggalah sekarang ini di masjid dan Pusat Islam Singapura,” katanya, tersenyum.

Cik Noormalin Binte Mohamad Noor pula pekerja lebur yang berusia 62 tahun. Beliau mula membantu sejak berusia 18 tahun lagi sebagai sukarelawan belia di Masjid Mujahidin. Baginya, penglibatannya dalam acara itu memang secara semula jadi kerana cintanya pada Al-Quran.

Bagi Cik Kalsom pula, penglibatannya berlaku secara beransur-ansur – daripada sukarelawan biasa menjadi pengurus di masjid di mana musabaqah turut menjadi bidang tanggungjawabnya.

“Saya suka melihat perkembangan mereka sebagai qari dan qariah, daripada menyertai acara ini sebagai kanak-kanak, sehinggalah mereka mencapai usaha dewasa,” katanya.

Cik Kalsom, 53 tahun, turut membuat pemerhatian bahawa para peserta dewasa ini bukan daripada masyarakat Melayu sahaja.

“Misalnya, ramai juga peserta pertandingan tahfiz dari bangsa India,” katanya, gembira.

“Saya masih ingat satu kali itu, seorang belia Singapura muncul sebagai johan. Ibunya begitu gembira dan menunjukkan penghargaannya. Sehingga hari ini kami rapat,” cerita Cik Kalsom.

Setelah lima dekad, Encik Omar merasakan bahawa musabaqah adalah satu cara yang harus diberikan publisiti lebih luas lagi.

Encik Omar ingat lagi pada tahun 1980-an, ketika komputer belum popular, Masjid Darussalam membeli 'komputer Al-Quran' dengan harga sekitar \$4,000 dan tugas beliau adalah menyediakan bahan daripada ayat-ayat Al-Quran untuk peserta dan pengadil dengan menggunakan komputer itu.

“Itu kerja *cut and paste*,” katanya, berseloroh, “berat juga kerjanya.”

Cik Noormalin, 62 tahun, bersyukur apabila mengenangkan bagaimana tugasnya dalam musabaqah Al-Quran telah membawanya ke beberapa negara seperti Brunei Darussalam, Malaysia dan Batam. Waktu itu, beliau perlu menemani peserta wakil Singapura ke sana untuk menyertai pertandingan peringkat antarabangsa.

Encik Kaymi Jamil, 66 tahun, pula telah bergiat sejak berusia 30 tahun. Beliau seorang pegawai keselamatan di Volvo.

Beliau membuat perbandingan, jika dahulu terpaksa membuat pemarkahan secara manual, sekarang boleh menggunakan komputer, dan ini sangat membantu. “Kerja jadi lebih mudah,” katanya.

Beliau berasa sangat gembira kerana walaupun negara Singapura kecil dan masyarakat Islamnya hanya minoriti, ia tetap mampu menjana qari dan qariah yang mengharumkan nama Singapura dalam musabaqah antarabangsa.

Encik Rosly Sheron pula, 55 tahun, pegawai pemerintah, pernah terlibat sebagai anggota MMB di Masjid Mujahidin.

Namun, walaupun sudah keluar dari MMB, beliau tetap berjasa dengan majlis musabaqah.

“Ini kerana saya dapat merasakan keberkahannya,” kata beliau, melahirkan penghargaan kepada Muis kerana memberikan masjid peluang untuk menganjurkan musabaqah.

Encik Rosli Buang, 61 tahun, dan Cik Rugayah Safeye, 59 tahun, pula berkongsi satu keistimewaan. Mereka adalah pasangan suami isteri yang bersama menghulurkan jasa di musabaqah sejak dulu lagi.

Bagi Encik Rosli, seorang noja di Masjid Mujahidin, menjadi sukarelawan memerlukan keikhlasan. Cik Rugayah pula gembira melibatkan diri walau apa pun tugas yang diberikan, termasuklah mengusung peserta dan menguruskan hadiah.




Hj Abdul Rahim Mawasi bersama sukarelawan masjid yang membantu di Musabaqah Tahfiz Al-Quran di Masjid Darul Aman

Cik Sarimah Talip, 55 tahun, seorang penolong guru di United World College, bukan sahaja sukarelawan, bahkan beliau sendiri pernah menjadi peserta dalam musabaqah tilawah. Cuma, memandangkan beliau mula beradu pada usia 48 tahun, beliau terpaksa berhenti mengambil bahagian apabila mencapai usia 50 tahun – had usia peserta bagi tilawah.

Ustaz Mohamed Iszam Bin Karim, 46 tahun, merupakan orang paling muda diinterview. Namun, sudah sedekad beliau membantu menjalankan musabaqah. Beliau, pengurus dakwah di Masjid Mujahidin, memberi petua bagaimana menjadi sukarelawan yang baik, dengan diperseujui sukarelawan yang lain:

“Kita sebagai sukarelawan memerlukan keikhlasan. Kita juga harus selalu senyum, bersalam, menyapa dan sopan santun dalam melayan para peserta dan hadirin yang lain. Yang penting, kalau kita ingin menyemarakkan Al-Quran, kita juga haruslah berbudaya Al-Quran.”



Para sukarelawan dan petugas bekerja di belakang tabir majlis Musabaqah Tilawatil dan Tahfiz Al-Quran 2017

A group of people, mostly men wearing black caps (peci) and some women, are seated around a large wooden conference table in a meeting room. They are all wearing large headphones and looking at documents or laptops, suggesting a recording or transcription session. The room has a whiteboard on the wall and recessed ceiling lights. A large, semi-transparent number '5' is overlaid on the left side of the image.

Ciri-ciri Tilawah

Ciri-ciri Tilawah

Ke arah pembacaan lebih sempurna

JADI apakah bezanya pembacaan Al-Quran dalam musabaqah dan pembacaan masyarakat Islam secara harian?

Pembacaan Al-Quran yang baik memerlukan penekanan pada tajwid. Lantaran itu, apa itu sebenarnya tajwid perlulah difahami jika seseorang ingin menghayati Al-Quran dengan sebaik-baiknya.

Malah, inilah yang menjadi dasar penentuan qari dan qariah terbaik dalam musabaqah tilawah Al-Quran sedunia.

Menurut kamus bahasa, tajwid membawa erti memperelok, membaguskan ataupun menghalusi.

Menurut istilah pula, pengetahuan tentang kaedah dan cara membaca kalimah Al-Quran dengan sebaik-baiknya adalah dengan mengeluarkan sebutan setiap huruf daripada makhrajnya yang betul serta memberi hak sifat yang asli dan yang mendatang.

Yang penting, matlamat tajwid adalah memelihara lidah daripada kesalahan menyebut ayat-ayat Al-Quran ketika membacanya, sehingga bacaannya sejajar dengan penurunannya yang sebenar daripada Allah swt.

Hukumnya adalah fardu kifayah bagi umat Islam dengan tujuannya agar lidah fasih dalam mengucap kalimah-kalimah Al-Quran.

Hukumnya pula adalah fardu ain bagi Muslim atau Muslimah yang mukalaf yang membaca Al-Quran untuk mengamalkannya baik semasa solat ataupun di luar solat, dan berdosa pula bagi sesiapa yang membaca Al-Quran tanpa memelihara hukum tajwid.

Terdapat beberapa tingkatan dalam pembacaan Al-Quran:

At-Tartil • الترتيل

Tartil melibatkan bacaan yang perlahan-lahan, tenang dan mengeluarkan bunyi setiap huruf daripada makhrajnya yang tepat serta hukum-hukum bacaan tajwid dengan sempurna, dan merenung makna, hukum dan pengajaran daripada ayat tersebut.

At-Tahqiq • التحقيق

Dalam tingkatan ini, bacaannya seperti tartil, cuma ia lebih lambat dan perlahan seperti membetulkan bacaan huruf daripada makhrajnya, menetapkan kadar bacaan mad dan dengung. Tingkatan bacaan ini biasanya bagi mereka yang baru membaca Al-Quran supaya dapat melatih lidah menyebut huruf dengan betul.

Al-Hadar • الحدر

Bacaan tingkatan ini cepat tetapi tetap memelihara hukum-hukum bacaan tajwid. Tingkatan bacaan ini biasanya bagi mereka yang telah menghafal Al-Quran supaya mereka dapat mengulangi bacaan dalam masa yang singkat.

At-Tadwir • التدوير

Bacaan ini pertengahan atau sederhana antara tingkatan bacaan tartil dan hadar serta memelihara hukum-hukum tajwid.

Bacaan Al-Quran yang diamalkan oleh kebanyakan umat Islam di daerah Asia Tenggara seperti Singapura, Malaysia, Indonesia, Thailand dan lain-lain, ialah dengan menurut bacaan Imam Hafs daripada Imam 'Aasyim Bin Bahdalah Abi Al-Najud ra, iaitu jalan bacaan yang diterima dan dibawa oleh Imam As-Syatibi ra. Dengan pembacaan Al-Quran yang betul, sebagaimana disampaikan kepada Nabi Muhammad saw, panduan daripada Al-Quran menjadi semakin lengkap dan unggul.

Barisan hakim Musabaqah Tilawatil dan Tahfiz Al-Quran tahun 2012



Ustaz Afandi Amat Mustafalhafi

Cintanya pada Al-Quran tidak statik

SALAH seorang yang begitu teliti dan akrab dengan pembacaan Al-Quran dengan taranum adalah Ustaz Afandi Amat Mustafalhafi.

Namun, ke mana lagi jatuhnya kuah jika tidak ke nasi?

Begitulah keadaannya dengan Ustaz Afandi Amat, seorang veteran dalam seni pembacaan Al-Quran di Singapura, dengan anak-anaknya. Beliau, yang merupakan guru madrasah bahagian Al-Quran di Madrasah Aljunied Al-Islamiah, muncul sebagai juara dalam majlis tilawah Al-Quran kebangsaan sebanyak dua kali – pada 1977 dan 1979.

Selepas beliau, tiga anaknya turut mengikuti jejaknya untuk memasuki musabaqah. Beliau mempunyai empat putera dan dua puteri.

Anaknya Rauzanah pernah menjadi johan peringkat belia di peringkat kebangsaan dan kemudian dihantar mewakili Singapura di majlis musabaqah tilawah Al-Qura di Brunei. Seorang lagi anaknya, Mustapha, pada mulanya turut serta, namun kemudian terpaksa menumpukan perhatian kepada pengajiannya sebagai mahasiswa di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Anaknya, Zuraidah, juga pernah menjadi johan bahagian kanak-kanak dalam musabaqah tilawah Al-Quran di Madrasah Wak Tanjong.

Selepas keputusannya untuk berundur daripada arena pertandingan, sumbangannya kepada tilawah Al-Quran tidak berakhir di situ. Beliau dilantik sebagai antara juri hakim dan anggota Jawatankuasa Majlis Tilawah Al-Quran Singapura. Ustaz Afandi juga pernah berkhidmat sebagai anggota juri hakim acara musabaqah Asean di Filipina, musabaqah Asean di Thailand dan musabaqah kanak-kanak Mabims di Kuala Lumpur.

Ustaz Afandi memulakan perjalanan hidupnya mengikuti pengajian taranum pada tahun 1963 di pondok kampungnya, Pondok Bawean di Bukit Timah Road.

Beliau ingat lagi, bagaimana ketika beliau berusia belasan tahun waktu itu, guru pondoknya memberi ganjaran kepada murid yang berpotensi agar merangsang mereka terus mengaji Al-Quran.

Amalan memberi ganjaran itu diamalkan pula oleh Ustaz Afandi dan diteruskannya hingga sekarang. Ganjaran termasuklah mengajak anak buahnya keluar makan bersama.

Ustaz Afandi menyingkap semula zaman silamnya, memasuki pertandingan kanak-kanak di Lorong 3 Geylang – zaman kampung Singapura berdiri atas air dengan tiang. Menteri waktu itu adalah Encik Rahmat Kenap. Pertandingan yang diadakan di peringkat kampung-kampung.



Ustaz Afandi Amat (berbaju merah jambu, berdiri di belakang ketua eksekutif MUIS) selaku salah satu anggota juri Musabaqah Tilawatil dan Tahfiz Al-Quran tahun 2012

Menjelang pertandingan, pentas sementara akan dirikan, dengan susunan kerusi di bawah untuk menampung para hadirin.

“Pengalaman saya dulu sebagai peserta memanglah membuat saya gementar, kerana kami diperlukan membuat persembahan di atas pentas di tengah-tengah padang,” cerita Ustaz Afandi

Beliau yang dilahirkan pada tahun 1949 mengenang bagaimana kecintaannya dengan Al-Quran telah mendorong beliau supaya menyertai apa sahaja musabaqah tilawah peringkat daerah yang ada ketika itu – termasuklah di Madrasah Irsyad – sehinggalah ketika beliau berjaya muncul sebagai johan nasional pada tahun 1977 dan 1979. Sebelum itu, Ustaz banyak memasuki pertandingan peringkat daerah.

“Kebetulan saya telah banyak membaca dan menghafal ayat Al-Quran. Jadi dapatlah saya masuk bertanding,” katanya dengan rendah hati.

Selepas muncul sebagai johan kebangsaan, beliau dipelawa menjadi wakil Singapura di Majlis Musabaqah Tilawah Antarabangsa di Kuala Lumpur.

“Saya ingat lagi, setiap peserta disediakan sebuah kereta dan drebar. Kami duduk di hotel, jadi mudah untuk kami berulang-alik ke sini ke sana,” katanya, yang mendedahkan biasanya pertandingan diadakan dalam bulan Ramadan.

Yang menjadi kenangan manis baginya adalah apabila seseorang cemerlang muncul sebagai juara.

“Sambutan daripada orang Singapura begitu meriah jika qari atau qariah kita jadi juara, rasanya seperti sambutan bagi Siti Nurhaliza,” seloroh Ustaz, merujuk kepada seorang artis Malaysia yang popular.

Namun, kejayaan mencapai gelaran johan bukan senang mendatang. Ia memerlukan latihan pagi dan petang, yang turut diamalkannya dalam melatih anak-anaknya untuk pertandingan.

Antara latihan peribadi Ustaz Afandi adalah membuang lendir dari tekak agar membolehkan seseorang qari mencapai lagu dan taranum yang dihajati.



Pembahagian markah dijaga rapi supaya tiada kebocoran maklumat

“Masak minyak kelapa sehingga mendidih dan kemudian minum. Selepas itu, tunggu setengah jam sebelum memuntahkannya semula,” Ustaz Afandi memberi petua.

“Cara kedua, tumbuk daun kemuning sehingga halus dan kemudian minum sebelum memuntahkannya semula untuk mengeluarkan lendir. Jika ada lendir, sukar ingin mencapai suara yang tinggi. Kalau ada lendir, suara tak lepas, dan ini boleh dikesan oleh para pengadil, jadi markah kurang. Pun kena istighfar banyak-banyak, kena bertaqwa, kena puasa Isnin dan Khamis.”

Pokoknya, bukan senang menjadi qari.

Ternyata cintanya pada Al-Quran tidak pernah statik. Selepas beliau mempelajari selok belok taranum, pada 1996 beliau berpindah pula daripada pembelajaran taranum kepada talaqi sanad.

“Saya pergi berulang-alik ke Mesir untuk belajar talaqi sanad selama 10 tahun,” kata beliau dengan gigih.

Kini, harapan Ustaz Afandi adalah semoga musabaqah diadakan di peringkat masjid-masjid di Singapura agar lebih mampu menampung bertambahnya minat dalam tilawah Al-Quran. Baginya, setidak-tidaknya pertandingan diadakan di peringkat kelompok masjid-masjid yang sedia ada.

“Yang penting, kita memasuki tilawah untuk menyemarakkan Al-Quran, bukan untuk bertanding ataupun menang. Selepas menjadi johan selama beberapa tahun, niat boleh pula berubah daripada setakat qari menjadi seorang pendakwah,” katanya.



Para pengadil meneliti dengan perinci pembacaan setiap qari dan qariah.

Sekarang Ustaz Afandi sering dipanggil sebagai tenaga juri untuk musabaqah tilawatil Quran



Pusat Tahfiz Al-Qur'an Singapura
TAHFIZ AL-QURAN CENTRE OF SINGAPORE
MASJID KAMPUNG SIGLAP

TAHFIZ AL-QURAN
CENTRE OF SINGAPORE



pusat

singapura

Jejak Pengajian Tahfiz

Jejak Pengajian Tahfiz

Penghafalan Al-Quran kian menyerlah

SETELAH beberapa dekad musabaqah tilawah Al-Quran diadakan sejak lewat 1950-an di Singapura, pada 2007 akhirnya peraduan tahfiz diadakan pula.

Pada tahun itu, Jawatankuasa Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) diberikan tugas tambahan, iaitu menganjurkan Musabaqah Tahfiz Al-Quran, menjadikannya Jawatankuasa Majlis Tilawah dan Tahfiz Al-Quran (MTTQ).

Namun, pengenalan bahagian tahfiz itu tidak berlaku semalaman. Ia memerlukan pemahaman yang menyeluruh, dan juga usaha yang berterusan untuk menghadapi cabaran bagi memastikan bidang tahfiz di Singapura semakin berkembang.

Ia bermula pada awal dan pertengahan 1990-an, apabila sekumpulan pencinta Al-Quran dan beberapa asatizah yang menerajui pendidikan Al-Quran di Singapura mengusulkan supaya Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) menubuhkan sebuah lembaga bagi merancang pendidikan Al-Quran di Singapura secara sistematik dan menyeluruh demi membasmi gejala buta huruf Al-Quran.

Muis telah memberikan lampu hijau, dan lembaga itu kemudian dirasmikan sebagai Lembaga Pendidikan Al-Quran Singapura (LPQS).

Demi tujuan strategik, lembaga itu dibubarkan pada tahun 1998. Ini disusuli dengan daya utama Masjid Omar Kg Melaka untuk menubuhkan kelas Al-Quran dan tahfiz dengan bantuan para guru Al-Quran dari Madrasah Aljunied Al-Islamiah dan Mahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat Johor Baharu.

Pada tahun 1999 pula, Masjid Kampung Siglap memohon keizinan Muis untuk menubuhkan sebuah pusat tahfiz dan pengajian Al-Quran dan memanfaatkan bangunan lama masjid tersebut.

Saranan itu telah dipersetujui Muis, lantas Pusat Tahfiz Al-Quran Singapura dibuka dan ditempatkan di bangunan masjid lama Masjid Kampung Siglap. Pusat ini mendapat pembiayaan penuh daripada Muis dan dibuka secara rasmi pada 18 Julai 1999 oleh mantan Mufti Singapura, Sheikh Syed Isa Bin Mohd Semait.

Selepas penubuhan Pusat Tahfiz yang telah diumumkan dalam Majlis Zikral Hijrah pada 16 April 1999, sebanyak 250 permohonan untuk kemasukan pelajar telah diterima. Bagaimanapun, disebabkan keterbatasan ruang, hanya 85 pelajar terbaik yang dipilih untuk menyertai program tersebut. Itu pun selepas mereka menjalani ujian kemasukan.



Pusat Tahfiz Al-Quran Singapura dibuka pada tahun 1999 di bangunan masjid lama Kampung Siglap

Pada awal tahun 2000-an pula, dua masjid mengambil inisiatif untuk membuka kelas tahfiz masing-masing: Masjid Darul Makmur dan Masjid Al-Khair. Ini menjadikan empat buah masjid yang menawarkan pendidikan tahfiz.

Selepas lima tahun operasi, Muis menyerahkan sepenuhnya pentadbiran dan pembiayaan Pusat Tahfiz kepada Masjid Kampung Siglap. Pada tahun 2006, kedua-dua Masjid Darul Makmur dan Masjid Al-Khair bersetuju menyerahkan pengurusan kelas tahfiz masing-masing kepada Masjid Kampung Siglap.

Sejak 2007 hingga sekarang, perkembangan kegiatan tahfiz di Singapura kian rancak. Kelas-kelas tahfiz mula berkembang dan diadakan di beberapa masjid dan syarikat swasta, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Masjid-masjid yang ada kelas-kelas tahfiz, selain dari Masjid Kampung Siglap, Masjid Omar, Masjid Al-Khair dan Masjid Darul Makmur, ialah Masjid Darul Ghufuran, Masjid Ennaem, Masjid Jamiyah Al-Rabitah, Masjid Assyakirin, Masjid Al-Mukminin, Masjid Assyafa'ah, Masjid Al-Mawaddah, Masjid Ahmad Ibrahim dan Masjid Al-Firdaus.

Kerancangan dalam perkembangan tahfiz di Singapura telah membawa kepada satu usaha baru – iaitu membuka madrasah tahfiz sepenuh masa dengan menggunakan lesen madrasah Sekolah Ugama Radin Mas (SURM).

SURM ketika itu sudah pun mempunyai kelas madrasah mingguan. Dengan membuka kelas tahfiz di peringkat menengah, ia meluaskan lagi skopnya. Pada tahun 2009, kelas tahfiz ini mula beroperasi di Masjid Darul Aman.

Pada 2010, peraduan tahfiz peringkat kebangsaan mula diadakan di Singapura. Jawatankuasa Induk Al-Quran (QCS) ketika itu mendapati bahawa sebuah usaha yang bersepadu perlu diadakan bagi penganjuran peraduan tahfiz Al-Quran pada peringkat kebangsaan.

Langkah sedemikian bukan hanya dapat menaikkan pengajian tahfiz pada peringkat nasional, malah ia juga dapat memberi pendedahan kepada para pelajar tahfiz kepada peraduan-peraduan menghafal Al-Quran sama ada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa.

Atas dasar itu, penganjur bagi acara MTQ telah diamanahkan untuk mengendalikan juga peraduan Tahfiz Al-Quran pada peringkat nasional.



| Seorang peserta cilik kategori Tahfiz sedang menjawab soalan

Lantaran itulah, nama MTQ diubah kepada MTTQ.

Sungguhpun usianya masih muda, ia tampak semakin mantap dengan pendaftaran lebih ramai peserta setiap tahun. Besar harapan penganjur, besar lagi harapan masyarakat agar peraduan ini dapat membantu melahirkan lebih ramai hafiz yang akan memakmurkan kitab suci Al-Quran.



| Program tahfiz disertai pelbagai kaum dan bangsa di Singapura



| Para pemenang musabaqah tahfiz 2017

Penggerak Pengajian Tahfiz

Ustaz Firdaus Yahya



Ust Dr Firdaus Yahya memberi taklimat sebelum ujian musabaqah tahfiz Singapura

BELIAU bertanggungjawab memulakan pertandingan tahfiz kebangsaan di Singapura yang kini diselenggarakan bersempena dengan pertandingan tilawah Al-Quran nasional.

Kini, Ustaz Firdaus Yahya memandang lebih jauh ke masa depan untuk pertandingan itu.

Pengasas dan pengurus Pusat Pengajian Darul Huffaz, sebuah syarikat swasta yang berdedikasi untuk menghafal dan mempelajari Al-Quran, telah menulis beberapa buku dalam bidang Al-Quran dan Faraid. Beliau memperolehi MA dalam Al-Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA), dan PhD dalam Sains Islam dari Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa.

Memang lebih banyak lagi yang perlu diusahakan. Buat masa ini, pertandingan tahfiz diadakan sebagai acara pinggiran dan tidak setahap dengan pertandingan tilawah Al-Quran, sehingga ada pihak yang bertanya tentang perkembangan ini. Bagi mereka, menghafal Al-Quran lebih utama daripada melagukana bacaannya sahaja.

Walau bagaimanapun, bagi Ustaz Firdaus, bagi setiap usaha itu perlu ada permulaannya. Dan penyertaan pertandingan tahfiz pada peringkat nasional merupakan suatu pencapaian yang wajar disyukuri.

Ustaz Firdaus, yang memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Induk Al-Quran (QCS) Muis pada tahun 2010 sehingga tahun 2017, berkata:

“Apabila saya menyertai Muis dulu, saya ditugaskan untuk menubuhkan kelas tahfiz peringkat nasional di Singapura. Muis kemudian menubuhkan Pusat Tahfiz Al-Quran Singapura di Masjid Kampung Siglap. Ia dilancarkan pada Jun 1999. Pusat Tahfiz ini merupakan pusat tahfiz kedua. Masjid Omar Kampung Melaka telah mengorak langkah dahulu dalam menubuhkan kelas-kelas tahfiz pada tahun 1998.”

Ustaz Firdaus kemudian membuat satu pendedahan yang mengejutkan.

“Kita sebenarnya sudah ada pertandingan tahfiz di Singapura sebelum adanya kelas tahfiz di Masjid Omar Kg Melaka,” Ustaz Firdaus menceritakan. “Ia mungkin pertandingan tahfiz pertama yang diadakan di peringkat seluruh negara di Singapura dan disokong oleh Mufti Negara ketika itu, Sheikh Syed Isa Bin Mohd Semait, selaku tetamu terhormat. Ia dianjurkan pada tahun 1996 oleh Perkemas, sebuah persatuan pelajar Singapura di Mesir. Ketika itu saya dilantik sebagai presiden persatuan tersebut. Kami mengadakannya untuk menggalakkan lagi aktiviti menghafal Al-Quran di Singapura. Dan juga untuk memperkenalkan persatuan kami kepada masyarakat Islam Singapura sebelum kami mengadakan aktiviti mengumpul dana melalui kutipan Jumaat pada tahun tersebut. Alhamdulillah, tahun tersebut kami mendapat kutipan derma mencecah \$70,000.”



Selepas itu, pertandingan tahfiz di peringkat masjid mula diadakan. Antaranya ialah Masjid Jamiyah Ar-Rabitah yang mengadakan pertandingan tahfiz dengan Piala Pusingan Mufti dari tahun 2001 hingga baru-baru ini.

Ustaz Firdaus membuat pendedahan seterusnya yang tidak kurang menarik.

Pertama, salah satu cabaran pertandingan tahfiz pada awalnya ialah calon-calon tahfiz yang berpotensi enggan memasuki pertandingan kerana mereka tidak mahu menonjolkan diri, terutama mereka yang telah menghafal seluruh Al-Quran. Mereka juga tidak mahu menjadikan penghafalan Al-Quran mereka sebagai medan pertunjukan untuk melihat siapakah yang lebih hafalannya.

Namun, keadaan sudah berubah. Semakin ramai hafiz Al-Quran lebih terbuka untuk mengikut pertandingan tahfiz sekarang kerana mereka telah dimaklumkan bahawa pertandingan tahfiz ini bukanlah untuk berlumba-lumba siapakah yang lebih baik hafalan dan bacaannya, tetapi lebih kepada peluang untuk mereka mengulang kaji hafalan mereka dan menggalakkan orang lain untuk cuba menghafal Al-Quran juga. Tidak terlintas di hati mereka cita-cita untuk menjadi juara pertandingan tahfiz.

Kedua, menyusuli dari situ, salah satu cabaran pertandingan tahfiz dewasa ini bukanlah kekurangan peserta. Malah, sebaliknya. Jumlah peserta agak besar, sehingga menjadikan logistik sesuatu yang mencabar.

Sebagai contoh, mencari hakim sahaja menjadi tugas yang berat. Untuk tujuan itu, para penganjur perlu mengundang hakim hafazan dari Malaysia kerana kebanyakan guru tahfiz di Singapura secara langsung atau tidak, mempunyai pelajar yang menjadi peserta pertandingan tahfiz. Oleh itu, bagi menjamin ketelusan, mereka tidak boleh menjadi hakim hafazan pada pertandingan tahfiz tersebut. Malah, mereka sepatutnya tidak boleh jadi hakim bagi mana-mana aspek pengadilan pertandingan tahfiz. Hakim hanya boleh diambil daripada guru-guru Al-Quran yang tidak mengendalikan mana-mana kelas tahfiz.

Ketiga, profil peserta kanak-kanak untuk pertandingan tahfiz begitu berbeza-beza. Terdapat ramai peserta dari sekolah peringkat nasional, bukan hanya dari madrasah, yang telah menghafal Juz ke-30 Al-Quran.

Pada akhirnya, menghafal al-Quran bukanlah tugas yang mudah. Terdapat garis panduan yang perlu dipatuhi. Ini termasuklah daya ketahanan dan kesungguhan seseorang pelajar dalam mengulang kaji hafalan dan mencari keseimbangan antara pelajaran harian dengan hafalan Al-Quran. Ia suatu cabaran yang perlu dihadapi mereka yang menghafal Al-Quran.



“Musabaqah tahfiz perlu menjadi lebih baik. Visi saya adalah melihat pelajar menghafal keseluruhan 30 juz Al-Quran dan mengetahui sebahagian tafsirnya. Barulah kita boleh adakan kategori musabaqah tahfiz 30 juz bersama tafsir juz tertentu, seperti yang ada di negara-negara lain. Ini boleh dicapai apabila ada madrasah yang memulakan program khas untuk penghafalan 30 juz bersama tafsir dari peringkat menengah rendah,” kata Ustaz Firdaus.

Oleh itu, katanya, kategori musabaqah tahfiz 10 juz sekarang ini merupakan satu titik permulaan yang baik.

“Mungkin di Singapura boleh diadakan sebuah program khas di madrasah untuk menghafal 30 juz bagi pelajar yang sudah lulus peringkat prauniversiti, sebelum pelajar itu melanjutkan pengajiannya di peringkat universiti. Tidak kiralah sama ada pelajar itu dari madrasah atau sekolah sekular. Ini akan dapat melahirkan karyawan dalam bidang-bidang tertentu yang juga hafiz Al-Quran. Seperti program yang sedia ada di Darul Quran Jakim di Malaysia. Darul Quran JAKIM ini memilih pelajar-pelajar yang cemerlang untuk menghafal keseluruhan Al-Quran dalam masa setahun setengah sebelum mereka melanjutkan pengajian mereka di peringkat universiti. Sudah tentu, tempat mereka sudah pun terjamin di universiti tertentu sebelum mereka mulakan program tersebut di Darul Quran Jakim. Maka mereka dapat melahirkan doktor, hakim, jurutera yang juga hafiz Al-Quran,” kata Ustaz Firdaus.

Walaupun bagaimanapun, melihatkan persekitaran pembelajaran Singapura, semua itu masih lagi berada di fasa harapan bagi masa depan.

Namun, demi cinta pada Al-Quran, bagi Ustaz Firdaus itu merupakan satu idaman yang wajar diusahakan menjadi kenyataan mulai sekarang.



Penutup Tirai

*Tertutup sudah labuhnya tirai
Apa tersirat sudah terhurai
Kisah Insan Al-Quran selesai
Disangka sedikit, rupanya ramai*

*Dari qari ke asatizah
Dari relawan hingga qariah
Dari pemimpin hingga warga
Setiap ada peranan berharga*

*Musabaqah menjadi wadah
Umat Muhammad kuatkan ukhwah
Nur Islam bersinar indah
Dijulang ke langit, dipacak ke tanah*

*Satu umat memikul amanah
Agar maruah agama terjamin
Bersama menuju ke satu arah
Insan Al-Quran di depan memimpin*

• Senarai pemenang MTTQ Peringkat Dewasa •

QARI	TAHUN	QARIAH
MOHD FAZULI BAJURI	1968	HAMIDAH HJ ABDUL SHUKUR
MOHD FAZULI BAJURI	1969	CHE SU MUHAMMAD
MOHD FAZULI BAJURI	1970	AMINAH KASMURI
MOHD FAZULI BAJURI	1971	AMINAH KASMURI
MOHD FAZULI BAJURI	1972	AMINAH KASMURI
MOHD ZAIN HJ A.SHUKOR	1973	CHE SU MUHAMMAD
ABDULLAH MAJID	1974	CHE SU MUHAMMAD
MOHD ZAIN HJ A.SHUKOR	1975	ZALEHA OMAR
MOHDZAR HJ ADNAN	1976	CHE SU MUHAMMAD
AFANDI AMAT	1977	KAMSIAM AMIR
SALIM RIDAWI	1978	JAMAEDA AHMAD
AFANDI AMAT	1979	CHE SU MUHAMMAD
SALIM RIDAWI	1980	KAMSIAM AMIR
SALIM RIDAWI	1981	KAMSIAM AMIR
HASHIM LABIT	1982	ZALEHA OMAR
MOHD PATRI A.KADIR	1983	JAMAEDA AHMAD
MOHDZAR HJ ADNAN	1984	JAMAEDA AHMAD
MOHD ZAIN HJ A.SHUKOR	1985	CHIK SYED OTHMAN
AHMADINI HJ AMIR	1986	ZALEHA HJ OMAR
SMARN HARPIT	1987	ZALEHA HJ SINWAN
HASHIM LABIT	1988	KAMSIAM HJ AMIR
ABDUL BAHRI TAIB	1989	SAPEAH HJ OMAR
ABDUL WAHID HJ MOHD	1990	KAMSIAM HJ AMIR
ABDUL WAHID HJ MOHD	1991	KAMSIAM HJ AMIR
MOHD RIZAL HUSSIN	1991	JAMAEDA AHMAD
AHMADINI HJ AMIR	1992	ZALEHA HJ OMAR
ABDUL WAHID HJ MOHD	1993	RAHANA AHMAD
MOHD RIZAL HUSSIN	1994	RAHANA AHMAD
MOHD RIZAL HUSSIN	1995	ZUBAIDAH MOHD TAHIR
WAHIB WARREN	1996	ZAINAB TAMIN
ABDUL WAHID HJ MOHD	1997	ZUBAIDAH MOHD TAHIR
WAHIB WARREN	1999	JAMAEDA AHMAD
WAHIB WARREN	2001	ZUBAIDAH MOHD TAHIR
SADARI MUSARI	2003	ZUBAIDAH MOHD TAHIR
MOHD KHAIRUL KHALID	2005	NORAZIZAH SOLICIN
MUSAFK KASBI	2006	NURUL HUDA BT KHAMSAANI
MOHD KHAIRUL KHALID	2007	NORAZIZAH SOLICIN
MD SYAMIR BIN JAMALLIDIN	2008	NURUL HUDA BT KHAMSAANI
MD SADID B ABDUL LATIFF	2009	NUR ATIIQAH BT SUHAIMI
MD SYAMIR B JAMALLUDIN	2010	NURZAHIDAH BT LAILY
MD SADID B ABDUL LATIFF	2011	NUR AZIZAH SOLIHIN
MD ZULFADHLI B ABDUL RAZAK	2012	NUR AZIZAH SOLIHIN
NOR MUHAMMAD B ALI	2013	NUR ADILLAH BT MD RIHAT
NOR MUHAMMAD B ALI	2014	NURUL HUDA BT KHAMSAANI
MD SYARAFUDDEEN B MAZLAN ABDULLAH	2015	SHARIFAH RASHIDAH BT SYED IDROS
AHMAD DANIYAL B MD RIZAL	2016	NURUL 'IZZAH BT KHAMSAANI
NOR MUHAMMAD B ALI	2017	NUR ATIIQAH BT SUHAIMI

• Senarai pemenang MTTQ Peringkat Kanak-kanak & Belia •

QARI KANAK-KANAK	TAHUN	QARIAH KANAK-KANAK
MD SADID B ABDUL LATIF	2002	HUSNAH KHAIRANY BT MD HOSNI
MD AMIR B ABDUL ABDUL WAHID	2002	FARAH DIANA BT AFANDI
MD SADID B ABDUL LATIF	2003	NURZAHIDAH BT LAILY
AHMAD HAASYIM ASHARI	2003	HYDYATUL KHAIRIAH BT NAHAR
MD SUHAIMI B JAMALLUDIN	2004	SITI SHAHIRAH BT JAMALLUDIN
MD SADID B ABDUL LATIF	2004	NURZAHIDAH BT LAILY
MD SUHAIMI B JAMALLUDIN	2005	SITI SHAHIRAH BT JAMALLUDIN
AHMAD DANİYAL B MD RIZAL	2006	SITI SHAHIRAH BT JAMALLUDIN
AHMAD IZZUDDEEN B ISMAIL	2007	SITI SHAHIRAH BT JAMALLUDIN
MD HANIFF B SALLEH	2008	SITI SHAHIRAH BT JAMALLUDIN
MD TARMIZI B KHAMSANI	2009	DARWISYAH PUTRI ANUAR
MD HANIFF B SALLEH	2010	ALIAH HUSNA BT KHAMSANI
MD DARWISH B ABDUL RAHIM	2011	FARAH NADHIRAH BT AFANDI
UMAR KHALID B ZAID	2012	ALIAH HUSNA BT KHAMSANI
MD DARWISH B ABDUL RAHIM	2013	ALIAH HUSNA BT KHAMSANI
MD DARWISH B ABDUL RAHIM	2014	SAQINA QAMILIA BT SUWANDI
UBAIDILLAH ALHAMDAN B FAHMI	2015	NUR AINA MARDHIAH BT LAFIDI
MD NAUFAL B NASSER	2016	ARINAL HAQUE BT MD ZUHAL
MD NAUFAL B NASSER	2017	NAURAH KHALISAH BT NASSER
QARI BELIA		QARIAH BELIA
MD SADLI MD RAZALI	2000	SHARIFAH RASHIDAH BT SYED IDROS
MD FAUZI B KHALID	2002	NURUL 'IZZAH BT KHAMSANI (A)
LUKMAN NURHAKIM SUHAIMI	2002	NURUL HUDA BT KHAMSANI (B)
MD ISMAIL B OTHMAN	2003	NURUL HUDA BT KHAMSANI
MD SYAMIR B JAMALLUDIN	2004	SHARIFAH MASTURAH SYED IDROS ALKAFF
MD SADID B ABDUL LATIF	2005	NUR ATIIQAH BT SUHAIMI
MD SYAMIR B JAMALLUDIN	2006	NUR ATIIQAH BT SUHAIMI
MD SADID B ABDUL LATIF	2007	NUR ATIIQAH BT SUHAIMI
MD ZULFADHLI B ABDUL RAZAK	2008	NURZAHIDAH BT LAILY
MD ZULFADHLI B ABDUL RAZAK	2009	NUDRAH BT MD ISKANDAR
AHMAD DANİYAL B MD RIZAL	2010	FARAH DIANA BT AFANDI
AHMAD RUSHDY B MD ARIF	2011	RABIATUL ADAWIYAH AIN
MD HANIFF B SALLEH	2012	SITI SHAHIRAH BT JAMALLUDIN
MUHAMMAD B HASSAN	2013	NURNAZRIAH BT DHAHRULSALAM
MUHAMMAD B HASSAN	2014	FARAH NADHIRAH BT AFANDI
MUHAMMAD B HASSAN	2015	FARAH NADHIRAH BT AFANDI
UBAIDILLAH ALHAMDAN B FAHMI	2016	FARAH NADHIRAH BT AFANDI
MD DARWISH B ABDUL RAHIM	2017	NUNAZRIAH BT DHAHRULSALAM

• Senarai pemenang Tahfiz MTTQ •

	SYAHIRAH BT SHA'ARY	2010
	SYAHIR UQAIL B SHA'ARY	2011
TAHFIZ	SYAHIRAH BT SHA'ARY	2012
KATEGORI	MD 'ALWIE B ABDUL BAHRI	2013
A	MD 'ALWIE B ABDUL BAHRI	2014
	AMALI BIN NOORESHAM	2015
	AMIRUL SYAFAAT B MD NAZRI	2016
	TOYBAH MUNAWWARAH BT MD ALI	2017
	MD NAUFAL B JOHARI	2010
TAHFIZ	MD NAUFAL B JOHARI	2011
KATEGORI	MD NURDARWIS B ANUAR	2012
B	MD NAUFAL B JOHARI	2013
	MD NURDARWIS B ANUAR	2014
	NUR HADIRAH BT NOOR AZMAN	2015
	MUHAMMAD HAMDY B MD LUKMAN	2016
	MD SARJOON UMMU UMARA	2017
	NUR AMIRAH BT MD YUSOF	2010
	NUR AMIRAH BT MD YUSOF	2011
	MD SAIFUDDIN B YUSOFF	2012
TAHFIZ	HALIMAH BT ABDUL RAZAK	2013
KATEGORI	RAWIAH BEGUM BT ANWAR HUSSAIN	2014
C	MD NURDARWIS B ANUAR	2015
	MD NURDARWIS B ANUAR	2016
	SYED HUSSEIN FATHI B SYED MAHMUD SHAHAB	2017

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

SEBAIK-BAIK KALIAN ADALAH YANG MEMPELAJARI AL-QUR'AN DAN MENGAJARKANNYA

Akhir Kata

Pertama-tama, kami bersyukur kepada Allah swt dan berterima kasih kepada setiap pihak yang telah menyumbang buah fikiran serta tenaga untuk menjayakan usaha ini. Terima kasih juga diucapkan kepada para perakam sejarah musaqabah kerana tanpa bahan rakaman mereka, pasti sukar untuk menyempurnakan penulisan ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Encik A. Rahman Basrun yang telah sudi untuk menulis buku ini, kepada Encik Johari dan kepada Masjid Kampung Siglap di atas segala sumbangan dan sokongan kepada projek ini – buku yang bakal menjadi satu warisan yang kita tinggalkan.

Kerana buku ini merupakan satu rakaman segolongan insan berjiwa Al-Quran yang menunjukkan cinta mereka kepada Al-Quran dengan meraikannya melalui majlis musabaqah dan tahfiz.

Lebih penting, mereka berkorban masa dan tenaga tanpa mengharapkan balasan semata-mata kerana ingin membudayakan Al-Quran di kalangan masyarakat mereka dan dunia.

Kesemua pihak yang terlibat, sama ada qari, qariah, hakim-hakim bahkan termasuk juga sukarelawan, berasa gembira, malah kesyukuran atas rahmat Tuhan memberikan peluang emas untuk menghulurkan masa dan tenaga untuk menjayakan musabaqah dan menyerlahkan Al-Quran.

Kesemuanya tersemat harapan dan jangkaan bahawa budaya pembacaan, penghafalan dan penghayatan Al-Quran kian tersemat dan semakin semarak di kalangan umat di negara ini dan dunia.

Begitulah umat contoh teladan. Begitulah warisan Insan Al-Quran.

MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA



JEJAK INSAN SEMARAK AL-QURAN

*Menjejak Sejarah Perkembangan 5 Dekad
Musabaqah Tilawah dan Tahfiz Al-Quran di Singapura*



MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA
ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL OF SINGAPORE